

ملأك هاري اين

Mhi  
Sejak 1982

# MELAKA HARIINI

Menyambut Ulang Tahun Ke-40

Melaka Hari Ini mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua pembaca yang beragama Islam



KIPMALL PROMOSI  
**AIDIL FITRI**  
JOM RAYA BERSAMA KIPMALL MELAKA  
LOT/KIOSK UNTUK DISEWA  
06-344 7616  
PERTANDINGAN ANYAM KETUPAT  
30 APRIL 2022  
06-334 7616 KIPMall Melaka KIPMall Melaka



## Melaka bertuah

- Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli berangkat bagi mengadakan lawatan selama dua hari ke Melaka, 22 dan 23 April lalu.

2,4



Dapatkan e-paper MHI di sini

YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (dua dari kiri) bersama Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam (kiri) dan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua dari kanan) mengaminkan bacaan selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Selat. Foto: Mohd Azren Jamaludin

SILA IMBAS UNTUK BORANG PERMOHONAN

Satu Satunya IPTA Tahfiz Di Bawah Kerajaan Negeri Melaka

Dermasiswa TAPEM disediakan (Bagi yang berkelayakan)

**JOM MASUK KAQSA**  
KOLEJ AL-QURAN SAYYIDINA ALI (KAQSA)

**PENGAMBILAN PELAJAR BAHRU DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAAT**

**SALAM AIDILFITRI**

Hubungi kami : 013 202 8443 / 06-231 4240

Permohonan kemasukan akan dibuka pada 22 Mac - 23 Mei 2022

# Agong kurnia watikah lantikan Ahli Majlis MAIM

**Farah Suhaidah Othman & Faiz Hasan**

**BANDA HILIR** – Seramai 15 ahli Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menerima watikah lantikan dikurniakan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang berkenan mencemar

duli dalam upacara diadakan di Hotel DoubleTree by Hilton, di sini, 23 April lalu.

Dalam majlis itu, Ketua Menteri merangkap Pengurus MAIM Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengetui penerima watikah berkenaan, disaksikan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.

Turut menerima watikah lantikan sebagai Ahli Majlis adalah Timbalan Pengurus MAIM Datuk Wira Md Rawi Mahmud dan Setiausaha MAIM Muhammad Ikram Ibrahim.

Watikah yang disampaikan itu adalah lantikan Ahli Majlis yang mula berkuatkuasa 20 April 2020 hingga Oktober 2022 yang termak-

tub mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri Melaka.

Sejurus upacara dijalankan Al-Sultan Abdullah kemudian berkenan menyampaikan sumbangan kepada dua buah masjid dan surau iaitu Masjid Al-Azim (Bukit Palah), Masjid Al Sultan Abdullah (Masjid Tanah) dan Surau Batu (Ujong

Pasir).

Upacara yang diadakan itu se kali gus menutup lawatan dua hari Seri Paduka Baginda bersama Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Afzan Aminah Hafidzatullah ke negeri ini.

## Agong, Raja Permaisuri berkenan cemar duli ke Melaka

**MELAKA** - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli bagi mengadakan lawatan dua hari ke Melaka pada 22 dan 23 April lalu.

Keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) pada jam 11.25 pagi, 22 April lalu, disambut Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan isteri Toh Puan Asmah Abd Rahman.

Turut hadir menyambut ketibaan pasangan diraja itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan isteri Datin Seri Utama Munira M Yusop.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Wira Ibrahim Durum dan EXCO Kanan Pelabuhan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Baginda berdua kemudiannya diiringi Tun Mohd Ali dan Toh Puan Asmah berangkat ke Hotel DoubleTree by Hilton bagi menerima menghadap sembah bariisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Baginda seterusnya berangkat menuaikan solat Jumaat di Masjid Selat dan pada sebelah petang, Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah berangkat ke Bazar Ramadan Peringgit bagi menyantuni peniaga dan membeli juadah berbuka puasa.

Selepas itu, baginda berdua menghadiri Majlis Berbuka Puasa bersama 1,600 rakyat di Masjid Al-Azim dan menuaikan solat Magrib di situ.

Pada 23 April, Yang di-Pertuan Agong berangkat menghadiri Majlis Menghadap Ahli-ahli Majlis Agama Islam (MAIM) di Hotel DoubleTree by Hilton, Banda Hilir.

Selesai majlis, baginda berdua berangkat pulang kira-kira jam 11 pagi.



**AL-SULTAN** Abdullah bersama Tun Mohd Ali dan Sulaiman bergambar bersama pelajar Tahfiz selepas menuaikan solat Magrib di Masjid Al-Azim. Foto: Mohd Azren Jamaludin



**AL-SULTAN** Abdullah berkenan menyampaikan watikah lantikan kepada Sulaiman yang juga Pengurus Majlis Agama Islam Melaka pada majlis yang diadakan di Hotel DoubleTree by Hilton. Foto: Mohd Azren Jamaludin

## Tunku Azizah kongsi resipi martabak istimewa

**BANDARAYA MELAKA** - "Ingat ya, ini resepi 'special' kita berdua ya."

Itu antara gurauan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang berkenan berkongsi tip bersama peniaga martabak, Mohd Razi Hamid, 38, ketika mengunjungi bazar Ramadan Peringgit, di sini, 22 April lalu.

Baginda berkenan berkongsi tip supaya Mohd Razi meny-

luti martabak itu dengan dua lapis adunan tepung supaya hidangan tampak lebih kemas.

Geraj jualan Mohd Razi antara persinggahan pilihan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Tunku Azizah ketika mengunjungi bazar Ramadan Peringgit.

Kunjungan Seri Paduka berdua selama satu jam itu turut ditemani anakanda bongsu, Tengku

Puteri Raja Tengku Puteri Afzan Aminah Hafidzatullah.

Mohd Razi ketika ditemui berkata, dia teruja mendapat peluang seumur hidup mendekati sambil berbual mesra dengan pasangan diraja itu.

"Tip dikongsi supaya martabak itu disaluti dengan tepung supaya tidak terkoyak atau pecah. Insya-Allah saya akan mengikut nasihat diberikan itu," katanya ketika ditemui di gerai jualannya.

Sementara itu, tiga beranak sanggup datang ke bazar berkenaan demi mencuba nasib untuk berwafoto bersama pasangan diraja itu sambil memakai lencana Yayasan Fertiliti Tuanku Azizah (TAFF).

C Venggadesen, 59 berkata anak Ielakinya, Jaden Samuel Dessen, 16 adalah bayi pertama dilahirkan menerusi program TAFF.

Katanya, dia dan isteri, C Santhy, 54 gembira kerana setelah lebih dua tahun tidak menghadiri sebarang program TAFF dan bertemu Raja Permaisuri Agong akibat pandemik COVID-19.

"Kami teruja menunggu kehadiran pasangan diraja dan gembira kerana Tuanku Azizah turut bertanyakan kesihatan anak kami, Jaden," katanya.



**TUNKU** Azizah berkongsi tip menyediakan martabak istimewa kepada peniaga di bazar Ramadan Peringgit. Foto: Iqmal Haqim Rosman

WAKTU SOLAT						
25 April - 01 Mei 2022 (23 Ramadan - 29 Ramadan 1443H)						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25 April 2022	5.54am	7.04am	1.12pm	4.28pm	7.16pm	8.27pm
26 April 2022	5.54am	7.04am	1.11pm	4.28pm	7.16pm	8.27pm
27 April 2022	5.54am	7.03am	1.11pm	4.28pm	7.16pm	8.27pm
28 April 2022	5.53am	7.03am	1.11pm	4.29pm	7.16pm	8.27pm
29 April 2022	5.53am	7.03am	1.11pm	4.29pm	7.16pm	8.27pm
30 April 2022	5.53am	7.03am	1.11pm	4.29pm	7.16pm	8.27pm
01 Mei 2022	5.52am	7.03am	1.11pm	4.29pm	7.16pm	8.27pm



# Selamat Hari Raya Aidilfitri

## Maaf Zahir & Batin

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah

*Setulus Ikhlas Daripada*

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI,  
YB EXCO, YB AHLI DEWAN  
UNDANGAN NEGERI

&  
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN  
KERAJAAN NEGERI MELAKA



MELAKAKU MAJU JAYA,  
RAKYAT BAHAGIA,  
MENGGAMIT DUNIA



## TERIMA KASIH TUANKU BERDUA SUDI SINGGAH KE NEGERI KAMI



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah diiringi Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam dan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Al-Azim. Foto: Iqmal Haqim Rosman



AL-SULTAN Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (kiri) diiringi Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali (kanan) meninjau suasana sekeliling perairan Selat Melaka ketika berkenan menunaikan solat jumaat di Masjid Selat, Pulau Melaka sempena lawatan ke Melaka. Foto: MR. Azli



EXCO Kanan Pelaburan, Industri dan Pembangunan Usahawan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh menerangkan sesuatu kepada Al-Sultan Abdullah pada Majlis Menghadap Pegawai Kanan Negeri dan Barisan EXCO Melaka di Hotel DoubleTree by Hilton, Banda Hilir. Foto: Iqmal Haqim Rosman



RAJA Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah diiringi Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam singgah ke gerai menjual kuih keria Melaka di bazar Ramadan Peringgit. Foto: Iqmal Haqim Rosman



PENGAMAL media Melaka mengambil peluang berswafoto bersama Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah ketika melawat bazar Ramadan Peringgit. Foto: Mohd Azren Jamaludin



YANG di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mencemar duli ke Majlis Menghadap Ahli-ahli Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di Hotel DoubleTree by Hilton, Banda Hilir . Mohd Azren Jamaludin



PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA  
(CMI)

# *Selamat Hari Raya Aidilfitri*

*Maaf Zahir & Batin*

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah

*Setulus Ikhlas Daripada*

Tn. Masrul Faizal Bin Mohamad  
Pengurus Besar dan Seluruh Warga Kerja  
Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI)



# Tun Mohd Ali berbuka puasa bersama warga UTeM

**Fiqa Jamal**

**DURIAN TUNGGAL** - Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam, menghadiri Majlis Iftar Bersama TYT Tun Canselor 1443 Hijrah/2022 di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), di sini, 21 April lalu.

Tun Mohd Ali yang juga Canselor UTeM bersama isteri, Toh Puan Datuk Wira Asmah Ab Rahman tiba di perkarangan Masjid Sayyidina Abu Bakar, kira-kira jam 6.45 petang.

Ketibaannya disambut EXCO Pendidikan dan Teknologi negeri Datuk Rais Yasin yang mewakili Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali; Pengurus Lembaga Pengarah UTeM Datuk Seri Dr Hasim Hasan; Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Wira Ibrahim Durum; Naib Canselor UTeM Profesor Ts Dr Massila Kamalrudin serta lain-lain kenamaan.

Pada program itu, seramai 50 mahasiswa daripada keluarga kurang ber-kemampuan menerima sumbangan daripada Tabung Amal Jariah UTeM.

Sumbangan yang disampaikan Tun Mohd Ali itu termasuk penyampaian komputer riba kepada lima mahasiswa terpilih.

Dalam majlis itu juga, Tun Mohd Ali menyaksikan penyerahan dividen tahunan UTeM Holdings berjumlah RM2.9 juta kepada UTeM.

Tun Mohd Ali dan Toh Puan kemudian turut bersama-sama menuaikan solat Maghrib dan solat sunat tarawih bersama 1,500 jemputan dan warga UTeM hadir pada majlis tersebut.



TUN Mohd Ali menyampaikan sumbangan kepada penerima sempena Majlis Iftar Bersama TYT Tun Canselor di Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM. Foto Iqmal Haqim Rosman

## Rumah Terbuka Aidilfitri Melaka pada 28 Mei

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**SERI BENDAHARA** - Kerajaan negeri bakal menganjurkan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Negeri Melaka pada 28 Mei depan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, penganjuran rumah terbuka julung kali selepas tempoh dua tahun itu akan diadakan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) ber-mulajam 2 hingga 6 petang.

Katanya lagi, pemilihan MITC sebagai lokasi penganjuran adalah bertepatan dengan keluasan yang boleh menampung jumlah pengunjung, selain faktor bangunan berke-kaan tidak lagi menjadi pusat kuarantin dan rawatan COVID-19 (PKRC) Melaka selepas ia ditutup pada 30 April ini.

"Sebelum ini rumah terbuka



SULAIMAN bergambar bersama pengamal media Melaka selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri di Seri Bendahara. Foto: Mohd Azren Jamaludin

kerajaan negeri biasanya dianjur pada hari raya pertama atau kedua, tetapi kali ini kita buat sedikit ber-beza iaitu pada penghujung raya.

"Ini kerana saya ingin mem-

beri peluang kepada orang ramai khususnya penjawat awam pulang berhari raya di kampung meman-dangkan sudah dua tahun tidak dapat beraya bersama keluarga dan

sanak saudara.

"Selain kerajaan negeri, insya-Allah rumah terbuka semua wakil rakyat juga akan diadakan mengikuti jadual yang bakal diatur sedikit

masa lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri kepada pen-gamal media Melaka, di sini, 20 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Sulit Kanan Ketua Menteri Borhan Oth-man Ali dan Setiausaha Akhbar Ketua Menteri Nasharuddin Mu-hammad.

Sulaiman dalam ucapannya turut menghargai peranan dan jasa pengamal media dalam menyalur-kan maklumat yang tepat dan sahih mengenai dasar serta perancangan kerajaan negeri.

Katanya, media cetak mahu-pun elektronik di negeri ini turut menyumbang kepada kemakmu-ran dan kemajuan Melaka melalui berita yang disampaikan secara terus kepada rakyat.

## Melaka tuan rumah Hari Wartawan Nasional



ANNUAR dalam sidang media selepas Majlis Iftar Bersama Menteri Komunikasi Dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa di Hotel Double Tree Melaka.

**Farah Suhaidah Othman**

**BANDA HILIR** - Melaka bakal menjadi tuan rumah sambutan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2022 yang dijadual berlangsung pada 29 Mei depan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa berkata, sambutan itu akan dijadikan sebagai acara tahunan.

Katanya, sambutan tahun ini akan diadakan dengan sokongan Ikatan Setiakawan Wartawan Malaysia Indonesia (ISWAMI), yang mana Per-tubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) bertindak sebagai agensi penghubung.

"Di Indonesia, hari itu adalah hari besar yang melibatkan semua, kerajaan, menteri, gabenor dan Malaysia sentiasa menjadi satu-satunya tamu luar dari Indonesia."

"Jadi dalam pertemuan dan sokongan ISWAMI, kita mahu panjangkan apa yang dilaku-

kan di Indonesia untuk turut diadakan di Malay-sia.

"Melaka ini dipilih kerana Melaka sebagai bandar bersejarah dan mengambil sempena di mana sejarah awal kemerdekaan negara," kata-nya.

Beliau berkata demikian pada majlis iftar bersamanya di Hotel Doubletree di sini, 17 April lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sambutan itu diadakan bagi menghargai profesion kewarta-wanan di negara ini sekali gus memberi pende-dahan kepada orang ramai mengenai kerjaya itu.

"Ia akan dibuat dengan cara lebih tersusun dan diadakan setiap tahun, dengan diadakan dari satu negeri kesatu negeri sebagai lokasi pengan-juran," katanya.

Untuk rekod, HAWANA bakal dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 29 Mei depan.



# Salam Aidilfitri 1443H/2022M

*Setulus Ikhlas Daripada*

**Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha,  
Ketua-Ketua Jabatan / Unit  
dan Seluruh Warga Kerja  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya  
“Bandaraya Pintar”**



[www.mphtj.gov.my](http://www.mphtj.gov.my)



[www.facebook.com/mphtj](https://www.facebook.com/mphtj)



[mp\\_hangtuahjaya](https://www.instagram.com/mp_hangtuahjaya)

# Teknologi ringankan beban nelayan sepanjang Ramadan



**N02 - TANJUNG BIDARA**  
WINCH memudahkan tugas nelayan menarik perahu dari gigi pantai ke Pangkalan Nelayan Kampung Pasir Gembur, Tanjung Bidara.

Din Ahmad

**TANJUNG BIDARA** - Meninggah dahaga ketika berpuasa di bawah panas terik matahari di tengah laut adalah asam garam kehidupan nelayan demi rezeki untuk membayai kehidupan keluarga tercinta.

Meskipun terpaksa menahan dahaga ketika menarik jaring di tengah panas, mereka tetap tabah menjalani ibadah puasa dan begitu juga ketika menarik perahu dari gigi pantai ke pangkalan perahu masing-masing.

Sebelum ini, mereka terpaksa mengerah seluruh tenaga dengan meletakkan kayu galang di bawah perahu bagi memudahkan perahu naik ditarik ke pangkalan.

Namun sekarang tugas itu dimudahkan dengan menggunakan troli dan jentera beratkal atau 'winch' sekali gus menjimatkan masa serta tenaga.

Mustafa Che Man, 55, berkata sejak dua tahun lalu dia sudah menggunakan troli dan 'winch' untuk memudahkan tugas menarik perahu gentian kaca yang sarat dengan peralatan menangkap ikan dan enjin motor

sangkut 15 kuasa kuda dari gigi pantai ke pangkalan.

"Alhamdulillah, walau pun terpaksa menahan panas di tengah laut, saya tetap berpuasa dan syukur, kerja menarik perahu dimudahkan dengan bantuan mesin."

"Saya beli 'winch' berharga RM 700 dan mengupah tukang membuat troli dengan kos RM 1,000 untuk memudahkan kerja menarik perahu," katanya ketika ditemui di Pangkalan Nelayan Kampung Pasir Gembur, di sini.

Sementara itu Osman Samad, 50, berkata troli dan 'winch' meringankan beban nelayan untuk memastikan perahu dan peralatan menangkap ikan mampu dinaikkan ke pangkalan.

"Bukan mudah untuk menarik perahu yang berat dari gigi pantai ke pangkalan jika sekadar menggunakan kudrat semata-mata," katanya.

Manakala Mohd Fazli Baba, 38, berkata kebanyakan nelayan di Melaka Barat dari Tanjung Bidara hingga Kuala Linggi sudah menggunakan peralatan itu untuk meringankan beban kerja mereka.

**FOKUS DUN**



## N01 - KUALA LINGGI

# Medan Ikan Bakar Kuala Sungai Baru kembali 'bercahaya'

**KUALA LINGGI** - Medan Ikan Bakar Persatuan Nelayan Kawasan Melaka Barat (PNKMB) Kuala Sungai Baru, di sini kembali menerima kunjungan pelanggan yang memuaskan hati pihak pengurusan sepanjang Ramadan.

Dengan menyediakan pelbagai jenis ikan segar dari laut, medan berkenaan kembali menerima pesanan pelanggan sama ada dari sekitar Masjid Tanah atau luar Melaka.

Pengurus Besarnya, Shukri Yusof berkata, meskipun sekadar beroperasi kira-kira empat jam bermula jam 6 petang pada Ramadan, kehadiran pelanggan tetap memuaskan pihak pengurusan PNKMB.

"Seramai 265 ahli PNKMB menyediakan hasil tangkapan yang bukan setakat segar, malah pada harga yang munasabah bagi memberi peluang kepada lebih ramai pelanggan untuk menikmati hasil laut berkualiti tinggi," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini.

Diambil, antara ikan diantaranya nelayan di kompleks itu ialah jenahak, kurau, pari, senangin, cencaru dan kerapu, malah, pelanggan juga boleh memilih kepah, kerang dan udang kertas gred A dan B yang segar dan enak dimasak pelbagai jenis masakan.

Sementara itu, pelanggan Noor Azilah Mohamad, 48, ber-

kata dia hadir bersama-sama dua anaknya untuk menikmati ikan segar yang dimasak tiga rasa, selain udang masak sambal.

"Sambil menikmati hidangan ikan, udang dan kepah, kami menikmati keindahan pandangan ketika matahari terbenam di ufuk barat dari muara Kuala Sungai Baru," katanya.

Zulfakar Mohd Ali, 54, pula

sanggup datang dari Port Dickson, Negeri Sembilan bersama-sama tujuh anggota keluarganya semata-mata untuk menikmati ikan segar di medan ikan bakar berkenaan.

"Dengan membelanjakan kurang RM300, saya dan keluarga puas menikmati ikan siap bakar, cencaru bakar, sotong goreng tepung dan tom Yam kepah," katanya.



**PETUGAS** memperkenalkan ikan siap masak tiga rasa di Medan Ikan Bakar PNKMB Kuala Sungai Baru.

## N03 - AYER LIMAU



HAMEED ketika meninjau aduan penduduk di DUN Ayer Limau.

# Baik pulih jalan kampung, pasang lampu solar

Fiqah Jamal

**AYER LIMAU** - Jalan perhubungan desa ke kampung sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Limau akan dibaik pulih sekali gus memberikan keselesaan kepada penduduk di kawasan terbatit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, jumlah peruntukan DUN pula akan digunakan untuk menerangi laluan berkenaan menggunakan lampu solar.

"Jalan perhubungan desa banyak sudah uzur jadi kita akan selenggarakan termasuk menurap semulajalan berkenaan agar permukaannya rata.

"Antara lokasi dikenal pasti setakat ini adalah Jalan Pelekuk, Jalan Haji Hasan dan Jalan Seberang Perai. Jalan-jalan ini merupakan jalan perhubungan desa yang sudah lama tidak diselenggara.

"Ada juga jalan perhubungan desa ini gelap pada waktu malam jadi

kita akan pa-sang lampu jalan solar di situ untuk keselesaan penduduk," katanya kepada Melaka Hari Ini

Mengulas lanjut, beliau berkata sepanjang bulan Ramadan ini kese-mua sembilan Masjid dan 26 surau dalam DUN itu melaksanakan edaran bubur lambuk.

Katanya, penyerahan sumbangan kepada golongan asnaf dan tidak berkemampuan dijalankan oleh kepimpinan masyarakat yang diperlakukan kepada empat zon.

"Empat Zon dalam DUN ini kita bahagi mengikut nama kepimpinan masyarakat, seperti Zon Tan Seri Rahman Arshad, zon Abu Seman, Zon Gading Ali, dan Zon Ali Majid.

"Pembahagian mengikut zon ini memudahkan urusan penyerahan sumbangannya tidak mahu ada yang tertinggal.

"Pelbagai aktiviti kita laksanakan untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira usia sepanjang Ramadhan di semua masjid dan surau dalam DUN Ayer Limau ini," katanya.

## NO4 - LENDU

# Rewang masak lemak tempoyak

Faiz Hasan

**LENDU** - Seramai 16 peserta membabitkan Wanita UMNO Cawangan Masjid Tanah bersama penduduk kampung bergotong-royong merewang menyiapkan gulai masak lemak tempoyak untuk diagihkan kepada orang ramai, 19 April lalu.

Program diadakan di Masjid Al Muttaqin, Kampung Seri Tanjung itu turut dihadiri isteri Ketua Menteri, Datin Seri Utama Munira Md Yusop yang turut meluangkan masa bersama-sama menyediakan bahan dan memasak lauk sebelum diagihkan kepada orang ramai.

**FOKUS  
DUN**

Pegawai Perhubungan Kebajikan dan Operasi Ketua Menteri, Mohd Jamian Maharam berkata, program dianjurkan tahun ini dianggap istimewa kerana pihaknya menyediakan lauk masak lemak tempoyak.

"Pada penganjuran sebelum rewang adalah untuk sediakan bubur lambuk tapi tahun ini kami mahu cipta kelainan sedikit."

"Alhamdulillah, hasil rewang dijalankan sebanyak 250 bekas lauk masak lemak tempoyak berjaya diagihkan kepada penduduk sekitar," katanya.

Mohd Jamian berkata, program dilakukan secara gotong-royong itu secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan antara penduduk.



MUNIRA bersama pimpinan UMNO Masjid Tanah bergotong-royong menyiapkan juadah gulai masak lemak tempoyak untuk diagih kepada orang ramai.

## NO5 - TABOH NANING

# Sangkar batu sungai perlu dibaik pulih

Fiqa Jamal

**TABOH NANING** - Sangkar-sangkar batu di sungai yang rosak akibat banjir besar pada hujung tahun lalu dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Taboh Naning perlu dibaik pulih dalam kadar segera.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Zulkiflee Mohd Zin berkata pihaknya telah memberikan surat rasmi kepada Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Daerah dan negeri untuk diambil tindakan.

"Antara sungai yang terjejas akibat kerosakan sangkar-sangkar batu adalah seperti Sungai Padang Besar, Sungai Brisu dan Sungai Melekek Luar."

"Kita juga minta pihak JPS untuk membersihkan jalan-jalan sungai yang rosak kerana pihak kita dapat pasir-pasir terlalu tinggi dan menghalang laluan air."

"Hal ini mengakibatkan apabila hujan terlalu lebat, air melimpah masuk kerumah-rumah penduduk berhampiran, jadi kita minta JPS boleh ambil tindakan segera," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Zulkiflee berkata baru-baru ini beliau telah menerima peruntukan untuk menaik taraf jalan-jalan dalam kawasan kampung.

"Jalan-jalan di kampung-kampung itu akan di baik pulih demi keselesaan penduduk dan kita telah mulakan kerja-kerja baik pulih jalan dalam bulan Ramadan ini."

"Sekiranya masih tidak siap kita akan segerakan untuk siap dalam penghujung Syawal," katanya.



ZULKIFLEE (kanan) ketika menyampaikan sumbangan selepas merasmikan Program Khatam Tadarus Al-Quran Wanita Kampung Cherana Puteh di Surau Kampung Cherana Puteh, 19 April lalu.



SHANMUGAM menyampaikan bantuan Aidilfitri pada salah seorang asnaf dan ibu tunggal dalam program Kembara Aidilfitri DUN Gadek, baru-baru ini.

## NO7 - GADEK

# Asnaf Gadek disantuni bantu persiapan Aidilfitri

Faiz Hasan

**GADEK** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, V P Shanmugam menganjurkan misi kembara untuk menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada asnaf yang bakal menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

Shanmugam berkata,

setakat ini sumbangan dalam bentuk kit makanan, kuih dan duit raya itu sudah disampaikan kepada 120 asnaf sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Program membabitkan 12 kampung dan di setiap persinggahan kami sampaikan bantuan berkenaan kepada 10 orang penerima sudah dikenal pasti.

"Usaha dijalankan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan mencecah lagi sambutan Aidilfitri buat mereka kurang berkemampuan ini," katanya.

Menurutnya, pengagihan sumbangan itu dijalankan dengan kerjasama piuh pengurusan balai raya dan masjid.

## N08 - MACHAP JAYA

# Laman Cahaya Lebaran bangkit 'mood' raya

**Farah Suhaidah Othman**

**MACHAP JAYA** - Suasana Felda Hutan Percha yang dahulunya kelam setiap kali menjelang Hari Raya Aidilfitri, kini diterangi gemerlapan cahaya pelita dan lampu hiasan yang dipasang di kawasan rekreasi Taman Selesa.

Suasana di Laman Cahaya itu sekali gus dapat menyuntik semangat dan 'mood' raya khusus dalam kalangan anak perantau pulang ke desa.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Hutan Percha, Ahmad Syukri Zulkifli berkata

hampir dua tahun anak perantau tidak dapat pulang beraya kerana penguatan kuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi idea untuk mewujudkan laman cahaya itu timbul.

Berikut itu, KRT dengan kerjasama Majlis Belia Felda Malaysia (MBFM) Hutan Percha berjaya mengumpulkan dana kira-kira RM 10,000 hasil sumbangan penduduk sekitar membabitkan pelbagai bangsa.

"Malah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem turut menghulurkan sumbangan dan mahu iadi-

laksanakan secepat mungkin.

"Apabila kita wujudkan Laman Cahaya itu, secara tidak langsung ia bakal menyuntik semangat dalam kalangan anak rantau untuk pulang beraya sekali gus mengembalikan nostalgia kemeriahinan dan 'mood' raya di kawasan Felda Hutan Percha."

"Ia mengetengahkan konsep baru dan lama dengan menampilkan cahaya pelita dan hiasan lampu berwarna-warni," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Naib Pengerusi MBFM Hutan Percha berkata, Hee Sem sendiri mahu kawasan rekreasi itu dijadikan sebagai pusat aktiviti tahunan menjelang sambutan perayaan.

"Acara



**SUASANA** Laman Cahaya Lebaran di Hutan Percha diterangi cahaya pelita dan lampu hiasan.

perasmian la-man cahaya disempurnakan ADUN Machap Jaya pada 28 April ini dan orang ramai dijemput

untuk menghadiri perasmian itu selepas solat tarawih nanti," katanya.

## N2 - PANTAI KUNDOR

## 1,000 dodol, 14 kawah bubur lambuk diagih percuma

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**PANTAI KUNDOR** - Sebanyak 1,000 dodol diagih secara percuma kepada orang ramai di Pentas Budaya Pantai Puteri, dalam satu program yang dianjurkan 16 dan 17 April lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi berkata, ajihan juadah tradisi itu merupakan antara program yang dirangka bagi menghidupkan suasana Ramadan tahun ini.

Katanya, program itu diketuai Pemuda UMNO Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor dan dibantu oleh kesemua sayap pimpinan di setiap cawangan.

Istimewanya, Tuminah yang mesra dengan panggilan Kak Ima berkata, dodol berkenaan dimasak sendiri secara gotong-royong oleh hampir 100 pimpinan sayap DUN berkenaan.

"Alhamdulillah, saya cukup seronok dapat turut serta dan melihat kerjasama erat semua yang terlibat dalam menyiapkan empat kawah dodol dalam program ini.

"Setiap kawah dapat menyediakan kira-kira 250 dodol yang diisi dalam bekas plastik dan bekas anyaman daun nipah yang mana kesemuanya diagihkan kepada orang ramai yang lalu-lalang di Pantai Puteri.

"Walaupun julung kali diadakan, saya melihat sambutan yang diterima cukup baik dan insya-Allah kita akan menjadikan program ini sebagai acara tahunan setiap kali tiba bulan Ramadan," katanya.

Tuminah berkata, selain dodol UMNO DUN Pantai Kundor juga bakal bergotong-royong menyiapkan 14 periuk bubur lambuk untuk diagihkan kepada orang ramai.

Ujar beliau, penyediaan bubur lambuk itu turut mendapat kerjasama beberapa agensi dan syarikat korporat termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Tanjung Bruas Port, Petronas, TKR Manufacturing dan lain-lain.



**TUMINAH** (tengah) turun padang bergotong-royong sediakan dodol untuk diagih kepada orang ramai.

## N09 - DURIAN TUNGGAL

## Pemaju janji baiki kerosakan Taman Bukit Tambun

**FOKUS DUN**



**ZAIKI** hadir pada perbincangan di antara pemaju dan penduduk Taman Bukit Tambun.

**Faiz Hasan**

**DURIAN TUNGGAL** - Kerajaan negeri memberi jaminan pemaju sebuah projek perumahan akan menyegerakan segala aduan berkaitan kerosakan kediaman penduduk di Taman Bukit Tambun.

EXCO Perumahan negeri, Datuk Zaiyi Attan berkata, setakat ini kerja-kerja pembaikan kerosakan teknikal dalam pembinaan perumahan giat dijalankan pemaju.

"Pemaju telah menjalankan kerja-kerja pembaikan berjadual sejak menerima banyak aduan

penduduk sejak awal tahun lalu, tinjauan mengenal pasti kerosakan dibuat sebelum pembaikan dijalankan.

"Setakat ini, lebih 700 buah rumah di Fasa 1 telah dibaiki dengan sebanyak 1,036 buah rumah yang mengadu akibat kerosakan teknikal dalam pembinaan perumahan berkenaan.

"Manakala, pada Fasa 2 ia membabitkan kira-kira 700 buah rumah dan lebih 600 buah sedang dibaiki pemaju berkenaan," kata dia kepada Melaka Hari Ini.

Zaiyi berkata, sejak menerima

aduan pada awal tahun lalu kerajaan negeri mengarahkan pemaju turun padang berdepan dengan penduduk bagi menyelesaikan segera permasalahan yang timbul.


"Sejak awal tahun kita menerima banyak aduan berkaitan kerosakan lantai, tombol pintu, tandas, kawasan belakang rumah dan siling."

"Tindakan pantas telah diam-bil kerajaan negeri, perbincangan diadakan antara pemaju dan penduduk bagi mengatasi masalah ini, ia sedang dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

# Selamat Hari Raya Aidilfitri

*Maaf Zahir & Batin*

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah



*Setulus Ikhlas Daripada*



Lembaga Pengarah & Ketua Pegawai Eksekutif dan  
Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.

## N15 - PENGKALAN BATU

# RM4,000 untuk 'keluarga sakinah'

Norizan Abdul Muhid

**PENGKALAN BATU** - Selepas hadiah motosikal dan basikal, Masjid Nur As-Sa'adah, Kampung Pengkalan Batu kini bercadang menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM4,000 kepada ahli kariah masjid.

Pengerusi masjid, Datuk Amzah Osman berkata, wang tunai tersebut ditawar kepada ahli kariah yang istiqamah mengerjakan solat Subuh di masjid bersama isteri dan anak selama 40 hari.

"Selepas beri hadiah motosikal dan basikal ini, kita rancang selepas perayaan Hari Raya Aidilfitri nanti, kita sambung pula dengan memberi hadiah wang tunai untuk Keluarga Sakinah pula."

"Di bawah konsep ini, suami, isteri dan anak istiqamah menunaikan solat fardu di masjid, kita nak lihat mana



KALSON dan Amzah (tengah) bergambar bersama anggota PPP WI daerah Hang Tuah Jaya yang menyertai program tadarus anjuran persatuan itu di Masjid Nur As-Sa'adah, Kampung Pengkalan Batu.

ahli kariah yang paling ramai membawa anggota keluar-ganya ke masjid," katanya.

Beliau ditemui Melaka Hari Ini (MHI) sempena program Tadarus Al-Quran dan penyampaian sumbangan baju raya anjuran Pertubuhan

Perkumpulan Perempuan (PPP) WI daerah Hang Tuah Jaya, 18 April lalu.

Majlis disempurnakan oleh EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri yang juga Ahli Dewan Un-

dangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Kalson Nordin.

Sebelum ini Masjid Nur As-Sa'adah menarik tumpuan orang ramai apabila menawarkan hadiah empat motosikal bernilai

RM16,000 dan basikal sebanyak 40 buah bernilai RM20,000 kepada anak kariah yang istiqamah solat Subuh dan Isyak selama 40 hari.

Kata beliau, hadiah yang disediakan hasil dari



pada kuti-pn peri-badi, rakan serta saudara mara ahli masjid tanpa mengambil dana masjid itu.

"Alhamdulilah, inisiatif ini berjaya mencapai matlamatnya kerana anak kariah, walaupun sudah mendapat hadiah mereka, tetap ke masjid seperti biasa sehingga ke hari ini."

"Kesungguhan anak kariah ini mendorong kita tubuhkan anggota sukarelawan masjid yang terlibat dengan pelbagai kegiatan masjid misalnya bacaan Yassin berkumpulan dan program kejut sahur yang diadakan seawal puluk 3 pagi," katanya.

Inisiatif itu menurut Amzah, membuktikan anak kariah masjid itu tidak semata-mata mengutamakan ganjaran upah atau hadiah untuk ke masjid.

## N14 - KLEBANG



MUNIRA menyampaikan sumbangan kepada anak yatim ketika berkunjung ke Butik Rakyat 3.0 di RUTC Klebang.

## Perluaskan Butik Rakyat di Melaka

Siti Salehah

**KLEBANG** - Penganjuran Butik Rakyat 3.0 Keluarga Malaysia yang diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RUTC) Klebang Besar disaran diperluaskan ke kawasan lain sekitar negeri ini.

Isteri Ketua Menteri Melaka, Datin Seri Utama Munira M Yusop berkata usaha yang dilakukan ini jelas membuka ruang kepada golongan B40 khususnya dalam meringankan beban dalam membuat persiapan terutama apabila menjelang musim perayaan.

Beliau berkata, inisiatif dilakukan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang diketuai Datuk Mohd Yusof Abu Hassan menunjukkan

langkah positif apabila ramai yang mendapat manfaat dan dibantu.

"Dengan adanya penganjuran sebegini ramai dapat manfaat dan tiada lagi yang terciric kerana mereka boleh berkunjung ke sini untuk mendapatkan pakaian."

"Ini adalah langkah positif dan boleh dipanjangkan ke kawasan lain kerana memberi peluang kepada golongan B40 dalam membuat persiapan raya," katanya pada sidang media selepas merasmikan Butik Rakyat 3.0, baru-baru ini.

Menurut beliau, pihak penganjur dan mereka yang terbabit dengan penganjuran ini juga perlu diberi pujian kerana menyediakan pakaian terpakai yang berkualiti untuk dis-

umbangkan kepada masyarakat.

"Proses memilih pakaian untuk butik ini sangat ketat hanya yang berkualiti sahaja dipilih malah pakaian baharu juga turut diberikan secara percuma hasil sumbangan daripada pihak tertentu."

"Mereka yang memerlukan tidak perlu

malu untuk datang kesini. Buangkan perasaan malu itu dan datanglah ia dapat membantu," katanya.

Pada majlis itu juga seramai 32 anak yatim dan 50 warga emas diberikan bantuan wang tunai dan kit makanan sempena Ramadhan.

## N18 - AYER MOLEK

## SRA baharu bakal dibina di Paya Dalam

**AYER MOLEK** - Sebuah lagi Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) di Paya Dalam, dijangka akan dibangunkan bagi menampung bilangan pelajar di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, lokasi bagi pembinaan bangunan baharu sekolah itu sudah dikenal pasti selain lawatan ke tapak cadangan juga dilakukan pihaknya baru-baru ini.

"Cadangan pembinaan ini masih dalam peringkat awal selain bajet pembinaan baru hendak di pohon kepada pihak berkaitan dan menunggu kelulusan."


"Cadangan pembinaan SRA baharu ini kerana bangunan lama sudah usang selain berlaku kepadatan pelajar disebabkan jumlah yang ramai," katanya.

Beliau yang juga EXCO Kerja Raya berkata, sekiranya permohonan bajet itu diluluskan dan sekolah itu siap dibina sepenuhnya ia mampu menempatkan kira-kira 400 pelajar.



RAHMAD melakukan lawatan ke tapak cadangan pembinaan SRA JAIM baharu di Paya Dalam.

## N28 - SUNGAI RAMBAI

FOKUS  
DUN

PENDUDUK Kampung Parit Gantong bergotong-royong menyiapkan hiasan pelita.

## 2,000 pelita terangi Kampung Parit Gantong

Salman Hamat

**SUNGAI RAMBAI** - Suasana meriah di Kampung Parit Gantong, di sini, yang diterangi cahaya pelita menarik perhatian 'YouTuber' dan 'influencer' (pengaruh media sosial) yang singgah untuk mengambil gambar dan video bagi kandungan sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

'Mood' Aidilfitri di kampung berkenaan juga menarik kunjungan ibu bapa yang membawa keluarga termasuk kanak-anak untuk bergambar.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Sungai Rambai Timur Ab Shukor Atan berkata, pihaknya mengalaukan kunjungan pelawat luar yang ingin merasai kemeriahan Aidilfitri yang sebelum ini disambut secara ala kadar berikutkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Dia memberitahu program itu adalah anjuran bersama JPKK Sungai Rambai Timur dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

"Sebenarnya kami bergotong-royong menyiapkan hiasan pelita ini untuk menyambut anak kampung tinggal di perantauan yang mungkin sudah lama tidak pulang. Tidak sangka iaitu turut menarik per-

hatian pelawat luar.

"Semua ini adalah sebahagian daripada persediaan kami yang turut mengambil bahagian dalam Festival Kuih Tradisional dan Pelita Raya Aidilfitri Melaka 2022," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Ab Shukor berkata, penduduk bergotong-royong termasuk menebang buluh untuk menyiapkan dan memasang lebih 2,000 jenis pelita berkenaan sejak 12 April lalu.

Katanya, selain pelbagai jenis pelita pihaknya turut membina dua pintu gerbang menggunakan buluh dan besi yang terdiri ucapan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri, Selamat Pulang Anak Perantau' dengan ketinggian hampir empat meter.

"Penduduk turut menghiasi halaman rumah menggunakan kreativiti masing-masing. Antara menarik adalah hiasan berbentuk menara berkembar Petronas."

"Selain pelita buluh kami turut menghias sekitar kampung ini menggunakan lampu kelip-kelip, alhamdulillah setakat ini semua perancangan berjalan lancar," katanya.

Menurutnya, setakat ini pihaknya membelanjakan RM3,000 untuk menyiapkan hiasan pelita manakala RM200 diperuntukan setiap malam untuk membeli diesel.

## N23 - TELOK MAS

## 'Pot luck' buka puasa eratkan ukhwah

Siti Salehah

**TELOK MAS** - Kemeriahan bulan Ramadan terus diimarahkan terutamanya di masjid dan surau apabila bukan hanya mengadakan tadarus malah turut dianjurkan majlis berbuka puasa bersama kariah setempat.

Program sebegini secara tidak langsung dapat mengeratkan ukhwah dalam kalangan penduduk serta dapat mendidik golongan anak kecil untuk turut sama kerumah ibadah.

Tidak ketinggalan mengadakan majlis berbuka puasa adalah Surau Al-Firdaus Taman Seri Telok Mas yang turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul Rahman.

Selain majlis berbuka puasa turut diadakan penyampaian sumbangan kit makanan serta wang tunai kepada penerima yang terpilih.

Menurut Abdul Razak, majlis berbuka puasa yang dianjurkan jemaah surau menarik kerana mereka yang datang membawa juadah tersendiri.

"Menariknya lauk berbuka dibawa sendiri oleh jemaah sendiri. Orang sekarang panggil 'pot luck', katanya.



ABDUL Razak melihat juadah 'pot luck' dibawa jemaah surau pada majlis berbuka puasa.

## N21 - DUYONG

## Kongsi rezeki bantu pelajar kurang mampu

Fiqah Jamal

**DUYONG** - Dalam menyantuni golongan kurang berkemampuan di bulan Ramadan, Kolej Cosmopoint menerusi program tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) mengambil inisiatif untuk memberi sumbangan kepada pelajarnya yang kurang berkemampuan.

Ketua Eksekutif Kolej Cosmopoint Melaka, Marvin Jahabardeen berkata program Jelajah Ihy Ramadhan Ehsan 2022 adalah anjuran kolejnya bersama pihak Ehsan Group of Companies dan Kongres India Muslim (KIMMA).

"Seramai 36 pelajar Kolej Cosmopoint yang kurang berkemampuan hari ini kita sampaikan bantuan Aidilfitri serta kit makanan sebagai persediaan menyambut perayaan tidak lama lagi."

"Walaupun tidak banyak, meskipun sedikit, ia tetap membantu golongan yang memerlukan selain

menggalakkan hubungan pelajar serta tenaga pengajar kolej tersebut dalam aktiviti produktif dan sosial.

"Tambah lagi, kita kini berada di penghujung bulan Ramadan. Dengan bantuan yang tidak seberapa ini diharap dapatlah membantu sedikit sebanyak kepada golongan-golongan yang kami kasihi ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi penyerahan bantuan program Jelajah Ihy Ramadhan Ehsan 2022 di Dewan JAPERUN Duyong, 17 April lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Haleem, Presiden KIMMA Datuk Seri Syed Ibrahim Kader dan Ketua Pegawai Eksekutif Ehsan Group of Companies Datuk Abdul Hamid P.V Abdu.

Dalam majlis itu, ADUN Duyong, Mohd Noor Helmy turut menyampaikan agihan zakat korporat kepada 100 penerima terdiri daripada mualaf, anak yatim dan asnaf.



MOHD Noor Helmy menerima cenderahati daripada Presiden KIMMA, Datuk Seri Syed Ibrahim Kader selepas sesi penyerahan zakat korporat dan penyerahan sumbangan Aidilfitri di Dewan JAPERUN Duyong.

N27 - MERLIMAU

# Misi pulihkan Sungai Merlimau

Liana Sahabudin

**MERLIMAU** - Satu kajian terperinci perlu dilakukan bagi mengetahui pasti punca pencemaran yang sering berlaku di Sungai Merlimau sejak bertahun dahulu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, Sungai Merlimau dahulunya pernah menjadi kolam renang semula jadi bagi anak-anak kampung bermandi-manda, namun keadaannya berubah selepas dicemari.

"Bersama dengan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Melaka dan pegawai alam sekitar, bermesyuarat di tepi Sungai Merlimau.

"Saya mohon satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti apakah punca pencemaran yang berlarutan di sungai Merlimau sejak bertahun lamanya.



"Sungai Merlimau dulu menjadi 'swimming pool' semula jadi bagi anak-anak kampung seperti saya, tetapi malangnya kini ikan nak berenang pun takut lemas di dalamnya," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, 19 April lalu.

Katanya, penyelarasan akan dibuat dalam masa terdekat dengan memanggil semua pihak terlibat untuk bersama membantu memulihkan sungai berkenaan yang merupakan antara agenda Mewajah Merlimau 5 Tahun.

"Insya-Allah satu penyelarasan akan saya buat untuk memanggil semua agensi terlibat untuk kita sama-sama bantu memulihkan Sungai Merlimau kita ini.

"Bukan perkara yang mudah, tetapi insya-Allah selagi mana saya bertanggungjawab saya akan pastikan ianya terjadi," katanya.



MUHAMAD Akmal (dua kanan) berbincang mengenai masalah pencemaran yang sering berlaku di Sungai Merlimau.

N26 - SERKAM

# Tapak sampah dipindah ke lokasi baharu

Fiqa Jamal

**SERKAM** - Tapak pembuangan sampah di Kampung Bukit Serkam akan dipindahkan ketapak cadangan baharu di Jalan Ladang Serkam Lama berhadapan Halal Hub di sini dalam tempoh terdekat.

Setiausaha JAPERUN, Roslan Abdul berkata perkara tersebut masih di peringkat perbincangan lanjut.

Katanya, perpindahan tersebut adalah disebabkan terdapat banyak aduan daripada penduduk kampung yang mengadu lokasi pembuangan di Kampung Bukit Serkam itu terlalu padat dan menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk.

"Perkara ini masih di peringkat cadangan dan baharu dibincangkan.

"Sekiranya berjaya dilaksanakan lokasi tempat pembuangan sampah ba-

haru ini akan memberi manfaat kepada penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam dan penglang sekitar.

"Antara faktor kenapa kita cari tapak baharu, kerana lokasi pembuangan sampah yang lama di Bukit Serkam adalah di atas tanah

persendirian manakala tapak baharu ini merupakan Tanah Rezab Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Roslan bersama wakil Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) negeri turut me-

ninjau lokasi tapak baharu terbabit, baru-baru ini.

Kata Roslan, pihaknya ambil maklum apabila mendapat banyak aduan dari penduduk yang kurang sesua dengan kuantiti sampah yang dibuang dan lagi-lagi tapak pembuangan atas tanah individu.

"Jadi atas rasa tanggungjawab, kita akan menutup tapak pembuangan sampah lama dan buka tapak baharu, hal ini kerana di tapak lama, pihak industri turut membuang sampah di situ menjadikan penduduk tidak selesa kerana padat," katanya.



ROSLAN ketika melawat tapak pembuangan sampah baharu di Jalan Ladang Serkam Lama, baru-baru ini.

N25 - RIM

# Dira belanja baju raya untuk anak yatim

Liana Sahabudin

**RIM** - Seramai 28 anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Jasin (PKAYIDJ) diberikan sumbangan baju raya sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Sumbangan itu diberikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar bagi memberi keceriaan terhadap anak-anak yatim supaya tidak merasa terpinggir biarpun serba kekurangan.

"Alhamdulillah hari ini (17 April) dapat saya sampaikan sedikit sumbangan baju raya kepada anak-anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Daerah Jasin (PKAYIDJ) seramai 28 orang di Jakel.

"Seronok sangat tengok adik-adik ini ceria memilih baju raya kegemaran

mereka.

"Diharapkan sumbangan ini mampu menggembirakan mereka

menjelang Hari Raya Aidilfitri yang akan tiba tak lama lagi," katanya yang mesra dengan panggilan Dira.



KAHDIRAH menyampaikan sumbangan baju raya kepada anak-anak yatim PKAYIDJ.



# MIMBAR MAIM

"Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukannya (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya)." (Surah al-Maidah, ayat 2).

## Jalin keakraban bersama abang rider

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Seksyen MAL mempergiat kerjasama dan memperkenal produk milik MAIM melalui pelbagai platform yang ada.

Media sosial mahupun media cetak serta media elektronik merupakan antara kaedah pemakluman serta promosi perkhidmatan yang disediakan demi maslahat umat

Islam di negeri ini.

Justeru perkongsian terbaru yang telah diadakan adalah melalui pemakluman secara menggunakan perkhidmatan rakan pengantar atau lebih dikenali sebagai 'abang rider'.

Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud berkata abang rider ini juga merupakan duta kecil kepada perkhidmatan Baitulmal MAIM yang mampu menjadi penyampai info terkini produk Baitulmal anta-

ranya perkhidmatan harta luqatah dan pemahaman berkaitan kaffarah.

"Seramai 50 orang abang rider daripada pelbagai syarikat pengantar makanan di negeri ini telah diangkat sebagai duta kecil berkenaan yang memberi peranan sebagai pemaklum produk terkini yang disediakan MAIM," katanya.

Jelas Md Rawi, program Manfaat Wang Baitulmal "Sembang Santai Bersama Abang Rider" yang telah diadakan baru-baru ini men-



SEBAHAGIAN abang-abang rider tekun mendengar amanat disampaikan oleh Muhammad Ikram.

jadi pemangkin kepada kerjasama erat antara dua pihak dalam memberi nilai tambah infomasi terkini perkhidmatan MAIM.

Tambah beliau, objektif program juga adalah dengan menyebarkan maklumat dan kefahaman berkaitan perkhidmatan Baitulmal yang disediakan oleh MAIM kepada seluruh umat Islam di Melaka.

Md Rawi berkata program itu juga akan diteruskan pada masa akan datang untuk menjalin hu-

bungan strategik dalam mengerat dan meningkatkan silaturahim, mahabbah dan perpaduan antara masyarakat bersama MAIM.

Dalam perkembangan sama, abang rider berkenaan juga menerima sumbangan wang Baitulmal kerana mereka juga merupakan antara golongan sasar penerima wang Baitulmal.

Hadir sama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim yang turut mengadakan sesi bual santai bersama abang rider berkenaan.



MD Rawi menyampaikan kit hari raya kepada salah seorang abang rider.



PROGRAM berbuka puasa bersama pegawai dan kakitangan serta penghuni Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad telah diadakan baru-baru ini. Turut menyerikan program berkenaan Penolong Setiausaha Bahagian Zakat MAIM, Shakina Mohd Said bersama Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim.

# Diari Program Iftar Pack Ramadan



**TIMBALAN** Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sumbangan bubur lambuk kepada wakil guru Sekolah Kebangsaan Taman Merdeka pada Program Iftar Pack Ramadan anjuran bersama SKTM dan Badan Sukarelawan Al-Taqwa (BSAT) MAIM. Turut meluangkan masa hadir gotong royong memasak bubur lambuk berkenaan Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



**SERAH SUMBANGAN...**Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud hadir menyampaikan sumbangan kit dan wang tunai kepada pesakit di Hospital Jasin baru-baru ini. Turut sama meluangkan masa menyantuni pesakit di hospital berkenaan Ketua Seksyen Pembangunan Insan, Arina Safurra Alim.




**SERAHAN KIT...**Ketua Seksyen Wakaf MAIM, Joriza Jauhari bersama Ketua Unit Pembangunan Asnaf, Syamirul Akmar Gafar menyantuni dan menyampaikan kit makanan kepada pesakit di Hospital Alor Gajah baru-baru ini. Sebanyak 150 kit diagihkan bersama wang tunai disampaikan kepada sebahagian pesakit di wad hospital berkenaan bagi meringankan beban mereka yang akan meraikan bulan Syawal yang bakal tiba tidak lama lagi.



SERAHAN Cek sumbangan kepada institusi pendidikan agama Islam swasta dan asnaf MAIM disempurnakan oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali baru-baru ini. Sumbangan cek turut diberikan kepada Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) bagi tujuan pengimaranan program sepanjang bulan Ramadhan.

## Inspirasi Kembara Sahur MAIM



PROGRAM Kembara Sahur MAIM diserikan dengan kehadiran Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim dengan menyampaikan kit makanan kepada beberapa agensi terlibat di sekitar daerah Alor Gajah. Ibu pejabat polis daerah, Balai Bomba Dan Penyelamat serta Unit Kecemasan Dan Trauma Hospital Alor Gajah merupakan antara agensi yang MAIM santuni pada program kali ini. Perkongsian kali ini turut diselitkan dengan perbincangan lisan berkaitan beberapa program bersama yang akan diadakan di masa akan datang.




Hanya **2.5%**

**“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”**

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

  
**ZAKAT MELAKA**  
Bersih Jawa Suci Harta®



# Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah

Tulus Ikhlas Daripada



AHLI LEMBAGA PENGARAH,  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
dan  
Seluruh Warga Kerja ZAKAT MELAKA



Talian Zakat:

**1-300-88-0233**

Zakat Melaka

zakat.melaka

[www.izakat.com](http://www.izakat.com)



WWW.KIBGIM.COM



# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: ENGLISH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

## PART 5

### Questions 33 to 40.

You are going to read a text about six different types of exotic fruits. Read them carefully and answer the questions that follow.

#### EXOTIC FRUITS

**A** The banana is botanically classified as a berry, and they are used in cooking in some countries. The fruit hangs from the top of the plant in bunches. Bananas are a good source of vitamin B6, and while many people believe they have a lot of potassium, this is not the case.



**B** The mango is a juicy stone fruit originated in South Asia. It is the national fruit of India, Pakistan, and the Philippines. Mango fruits take three to six months to ripen, and it cannot survive extreme heat or cold. Mangoes contain a range of nutrients, however vitamin C is the only one that is present in a large amount.



**C** The kiwifruit is an oval-shaped fruit with a thin, hairy brown skin. The fruit was named kiwifruit in 1959 after New Zealand's national symbol - the kiwi bird because its brown skin is similar to the feathers of the bird. The kiwi fruit is very nutritious, containing many vitamins and minerals. They have more vitamin C than oranges of the same size.



**D** The durian is one of those fruits that people either love or hate. Popular in Southeast Asia, durian is described as sweet-tasting with an intensely pungent smell. Inside the thorny exterior is a soft creamy fruit that some may describe as 'rotten mushy onions'. For those who love the 'king of fruits', it is an excellent source of vitamins C and B6, thiamin, riboflavin, folate, and niacin.



**E** The coconut is a fruit, not a nut, and its name comes from the Spanish word which means head for the fruit resembles a human head. Coconuts are used in everything from cooking to frying to soaps and cosmetics. In some countries, the coconut has cultural and religious importance, particularly in India, where it is used in Hindu rites. Young coconuts are picked for their drinkable coconut water, which is a good source of vitamin C, riboflavin, and calcium but is high in sodium.



**F** The noni fruit which is originated in Australia, Asia and the Polynesian islands is roughly the size of a mango and is normally eaten for its potential health benefits. The juice from the fruit is bitter, so people tend to use it as part of a fruit juice or smoothie to mask the taste. It's rich in antioxidants such as flavonoids and beta-carotene to support a healthy immune system and relieve inflammation.



### Questions 33 to 36

Which paragraph (A - F) fits the following descriptions of these fruits? Mark your answers on the separate answer sheet. Mark your answers on the separate answer sheet.

Description	Paragraph
33 This fruit spoils if kept frozen.	_____
34 This fruit got its name from Spain.	_____
35 This fruit is mistakenly thought to be a good source of potassium.	_____
36 The fruit is usually blended with other fruits to mask its taste.	_____

### Questions 37 to 40

Complete the notes below using information from the text. Choose no more than two words from the passage for each answer.

Write your answers on the separate answer sheet.

#### EXOTIC FRUIT TRIVIA

- Some countries ban the presence of durians in hotels and on public transportation due to its (37)\_\_\_\_\_.
- Originally from (38)\_\_\_\_\_ mango is a juicy fruit with very sweet flesh, ranging in colour from light yellow to golden orange.
- The kiwifruit was named after its uncanny resemblance to the brown-feathered kiwi (39)\_\_\_\_\_.
- In the state of Kerala, coconuts are used in wedding ceremonies as well as religious (40)\_\_\_\_\_.

#### ANSWER

- |                |
|----------------|
| 33. B          |
| 34. E          |
| 35. A          |
| 36. F          |
| 37. SMELL      |
| 38. SOUTH ASIA |
| 39. BIRD       |
| 40. RITES      |

# Beca Melaka terima bayaran 'e-wallet'



SULAIMAN bersama pengayuh beca menunjukkan aplikasi e-wallet yang diterima bagi perkhidmatan beca di Muzium Rakyat, Banda Hilir. Foto Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

**BANDA HILIR** - Hampir 80 peratus pengayuh beca di Melaka menerima bayaran melalui aplikasi e-wallet Touch N'go daripada pelancong di Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia sekali gus menjadikan beca Melaka adalah antara perkhidmatan beca pertama di Malaysia yang menggunakan aplikasi e-wallet.

Katanya, transformasi ke arah pembayaran tanpat tunai itu dibantu oleh Bahagian Promosi Pelancongan Melaka sebagai antara langkah mencegah penularan COVID-19.

"Saya percaya ia juga merupakan kaedah mesra pengguna sesuai dengan peredaran semasa.

"Tahniah abang-abang beca dan juga Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 305 Pengayuh-Pengayuh Beca Melaka Tahun 2022 di Auditorium Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), di sini, 18 April lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi

Johari dan lain-lain kenaikan.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata sebanyak 20 peratus pengayuh beca yang masih belum berdaftar menggunakan aplikasi e-wallet itu akan diselesaikan sebelum Aidilfitri.

"Kalau boleh sebelum raya dapat selesaikan baki tersebut, ada pengayuh beca yang tiada di Melaka..mungkin dalam 10 orang pengayuh beca yang masih belum daftar.

"Bila adanya kaedah ini ia dapat memudahkan pelancong selain menambah pendapatan pengayuh beca kerana ia terus masuk ke akaun bank masing-masing," katanya.

Sementara itu, rata-rata pengayuh beca menyambut baik pelaksanaan kaedah bayaran menggunakan e-wallet kerana disifatkan lebih mudah dan selamat.

Seorang pengayuh beca, Mohd Saawan Aziz, 29, berkata, aplikasi itu memudahkan urusan pelanggan membuat bayaran perkhidmatan dengan tepat, selain tidak berdepan kesukaran memulangkan wang baki.

Katanya, penggunaan aplikasi itu juga dapat meminimumkan sentuhan sekaligus mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri**

Maaf Zahir & Batin

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Setulus Ikhlas Daripada

Yang Dipertua, Ahli Majlis,  
dan Seluruh Warga Kerja  
Majlis Perbandaran Alor Gajah

# Riau, the Cradle of Malay Journalism: The Spirit of Syed Shaykh al-Hady



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

THE monthly *al-Imam* (1906-08) has been said to be the most studied periodical in the nation's journalism history. But few realized that it is more than the "first radical Malay-language newspaper;" and its founder Syed Shaykh bin Ahmad bin Hasan bin Saqaf al-Hady more than the editor, writer, reformist and educationist.

Born in Melaka in 1867, and initially educated at a religious school in Kuala Tereng-

ganu, Syed Shaykh was later taken to Pulau Penyengat, Riau, to continue his schooling – the setting was the palace and the Riau royal family.

Then Riau was the political, social, religious and literary centre of the Malays before the British and the Dutch colonial spheres embraced the area. The Malay spoken in Johore-Riau for example, was considered to be the standard Malay of British Malaya as well as of the Dutch Indies until 1928. Raja Ali Haji (circa 1809 – 70) was one of Riau's famous sons. He was the author of *Silsilah Melayu dan Bugis dan sekelian Raja-rajanya* (Genealogy of Malay and Bugis Princes), and *Tuhfat al-Nafis* (The Precious Gift), among others. His son, Raja Hasan, and his daughters Raja Kalzum and Raja Safiah, wrote poetry in their pastime.

Syed Shaykh became the favourite of the palace and was adopted by as a son of Raja Ali Kelana, half-brother of the sultan. Since the time of Raja Ali Haji, the Riau royal family had been encouraging the spread of Islam in general and the pilgrimage traffic in particular. It was said that Syed Shaykh was taken to Mekah and Cairo several times, and pur-

**"...without Riau there might not have been a Syed Shaykh of the dimensions which he attained."**

portedly met Muhammad 'Abduh, the Egyptian modernist and reformer. He also met Muhammad Rashid Rida, Muhammad Abduh's chief disciple and leader of the *al-Manar* group. Through Rashid Rida, Syed Shaykh learnt on the functions of journalism. He was inspired by Rashid Rida's use of the periodical press as instrument for change and reform.

Then there was also the environment provided by the Persekutuan Rushdiyyah, formed in Pulau Penyengat in the 1890s. The club became the focus of anti-Dutch sentiments. According to Linda Tan, through her interviews and examining original writings of Syed Shaykh in "Syed Shaykh: His Life and Times" in Alijah Gordon's *The Cry of Syed Shaykh al-Hady* (1999), there, he learnt from such scholars like Haji Husain Palembangi and Haji Saleh Minangkabau.

Against the backdrop of the deteriorating relationship between the Sultan and the Dutch colonial authorities, Syed Shaykh gathered a group of men who eventually formed the magazine *al-Imam* (The Leader). Shaykh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Azhari, became the first editor. The others were Shaykh Muhammad bin Salim al-Kalali, a merchant from Aceh, Syed Muhammad bin Akil ('Aqil), Haji Abbas bin Mohd. Taha, Shaykh Awad bin Saidin, and Syed Shaykh himself.

*Al-Imam* was a pioneer for a new form of journalism in the Malay Archipelago. Among its purpose as declared by its founders was to impart knowledge to their Muslim brethren in the East; to give advice and show the way to be a good Muslim; to remind those who are idle, awaken those who are asleep and lead those who have lost their way. *Al-Imam* was a radical departure not only in the context of the Malayan Islamic scene, but also in the journalistic enterprise. It was critical of dogmatic and orthodox views. Their followers were given the pejorative stamp *Kaum Muda* (The Young Faction); and Syed Shaykh was known as the *Ketua* or *Khalifa Kaum Muda* (The Leader of the Kaum Muda).

With the demise of *al-Imam* after two years, due to the lack of funds, Syed Shaykh moved to Johore, and then Melaka. He had already earned his reputation as the *Ketua Kaum Muda*, so much so that his Madrasah al-Hady in the kampung of his birth was avoided. According to Linda, undaunted, he moved to Pulau Pinang to open the Madrasah al-Mashhur in 1916.

It was in Tanjong, Pulau Pinang, that Syed Shaykh, 18 years after *al-Imam*'s demise, created *al-Ikhwan* (The Brethren), in September 1926. The year after, he started the Jelutong Press. The initial contributors to the monthly were Shaykh Tahir Jalaluddin and Pandita Za'b'a; later followed by Harun Ami-nurrashid, author of *Panglima Awang*, and Buyong Adil, co-author of *Sejarah Alam Melayu*.

It was said that the years Syed Shaykh spent in Riau and Singapura subjected him to

influences that moulded the whole course of his life. Linda emphasizes that Riau "was so important to his development that without Riau there might not have been a Syed Shaykh of the dimensions which he attained." Raja Ali Haji, historian and writer, left a legacy to Syed Shaykh through Raja Ali Kelana, Syed Shaykh's adopted father, as well as his teacher. Syed Shaykh, upon seeing Raja Ali Haji's incomplete *Kitab Pengetahuan Bahasa* (A Book of Linguistic Knowledge) in Pulau Pinang, immediately reviewed it in *al-Ikhwan*. The book was published in Singapura in 1927, and Syed Shaykh had read the manuscript 40 years earlier.

Without Riau too, there would also not be *al-Imam*. The monthly was essentially a Riau-sponsored venture. Alijah Gordon (1999) began her essay by stating that Riau was the cradle that held Syed Shaykh in his most formative years. This is important in assessing the genealogy and the spirit of Bahasa Melayu journalism in Malaya between the early 1900s and the Second World War.


The partitioning through the Strait of Melaka following the Anglo-Dutch Treaty of 1824, severed the historical and cultural unity between the Peninsula and Sumatra. This has eclipsed Malay intellectual history, distorting our knowledge of the subsequent growth of newspapers in Malaya. Political consciousness and the realization of societal weakness have provoked the growth of Bahasa Melayu journalism through *al-Imam* and invoked the culture of intense debate and self-criticism.

*Al-Imam* in Singapura; *Saudara* (1928-41), *Edaran Zaman* (1925 - ), *Suara Melayu* (1926-29, 1932), *Bahera* (1932 - ) and *Bumi Putra* (1933 - ), in Tanjung, Pulau Pinang; *Chahaya Malaya* (1927 - ) in Kedah; *Pengasoh* (1918 - ), *al-Hidayah* (1923 – 1926) and *Kechana* (1930 - ) in Kelantan; *Majlis* (1931-41) and *Warta Negri* (1931 - ) in Kuala Lumpur; *Lidah Benar* (1929 - ) in Kelang; *Suara Benar* (1932 - ) in Melaka; *Majallah Guru* (1924 – 1940) in Negeri Sembilan, Kuala Lumpur and Pulau Pinang respectively; *Panduan Truna* (1930 - ) in Perak and *Idaran Masa* (1929) in Trengganu; and certainly The Jelutong Press, carry the spirit of Syed Shaykh; and Riau as the cradle of Malay journalism.

Perhaps a Professorial Chair under his name be activated. I had proposed this earlier in a paper for an institute of journalism studies at a public university some 17 years ago.

**NEXT WEEK:**  
**The Malay World View of Time**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



THE Real Cry of Syed Shaykh al-Hady written by Alijah Gordon (1999)

# Biskut Raya 'laku keras' Ramadan ini



NUR Adda Azwa, 31 menunjukkan sebahagian dari tempahan kuih raya yang ditempatkan pelanggan ketika ditemui Melaka Hari Ini di Taman Bukit Rambai, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

**BUKIT RAMBAI** - Pada mulanya hanya 'cuba-cuba', tapi kini perusahaan membuat kuih raya menjadi sumber pendapatan utama bagi Nur Adda Azwa Arshat, 31.

Nur Adda Azwa berkata bermula dengan hanya menjual 'cheese tart' kini perniagaannya diperluaskan dengan menawarkan empat jenis kuih raya yang dihasilkan di rumahnya sejak 2019.

"Saya mula berniaga dengan menjual cheese tart dan kek saja, selepas setahun barulah saya berasa yakin untuk terima lebih banyak tempahan termasuk kuih raya.

"Sebenarnya yang memberi inspirasi pada saya untuk buat kuih raya sebab rasa bosan duduk rumah, daripada tiada apa-apa kerja saya fikir kena buat sesuatu yang boleh dimanfaatkan," katanya ketika ditemui di Taman Bukit Rambai, di sini.

Suri rumah itu berkata, niatnya adalah mahu berkongsi rezeki dengan orang lain dan tidak mahu mengambil kesempatan dengan menjual kuih pada harga

terlalu tinggi.  
"Mungkin kali ini semua dah dapat beraya dan balik kampung, jadi pelanggan buat tempahan lebih awal...jualan paling laris setiap tahun adalah tart mawar dan chocolate chip," katanya.

tempahan lima hari sebelum puasa dan awal puasa tutup 'order', tapi kali ini dalam masa tiga hari sahaja dah cecah 300 balang jadi saya terpaksa tutup tempahan.

"Saya tawarkan empat jenis kuih raya seperti tart mawar, chocolate chip, oreo dan cornflakes, setiap balang ada lebih kurang 42 keping biskut dengan harga hanya RM30.

"Suami selalu berpesan kita niaga sebab nak bagi orang lain pun sama-sama rasa rezeki, kita jangan jual mahal sebab tak semua orang senang nak beli apa yang kita jual.

"Lagipun menjadi pembuat kuih ini legasi arwah ibu saya, ibu saya memang gemar membuat kek dan kuih raya..jadi ia menurun kepada saya mengikut jejak dia," katanya.

Ibu kepada dua anak ini bersyukur apabila tempahan kuih raya tahun ini mendapat sambutan sehingga 300 balang hanya dalam masa tiga hari.

"Biasanya saya buka

tempahan lima hari sebelum puasa dan awal puasa tutup 'order', tapi kali ini dalam masa tiga hari sahaja dah cecah 300 balang jadi saya terpaksa tutup tempahan.

"Mungkin kali ini semua dah dapat beraya dan balik kampung, jadi pelanggan buat tempahan lebih awal...jualan paling laris setiap tahun adalah tart mawar dan chocolate chip," katanya.

Katanya, untuk menyiapkan 400 biji kuih raya dia memerlukan masa sehingga satu jam bagi memastikan kualiti dan rasa kuih tersebut mencapai kepuasan pelanggan.

"Untuk satu balang kuih raya bekas kecil boleh dapat 15 balang, kalau bekas besar boleh siap 10 balang sekali bakar. Satu ketuhar boleh bakar 400 biji kuih raya," katanya lagi.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri**

Maaf Zahir & Batin

3 Mei 2022 Bersamaan 1 Syawal 1443 Hijrah

*Setulus Ikhlas Dari Pada*

Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

Melaka River and Coastal Development Corporation

PPSPM

Ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif  
& Seluruh Warga Kerja Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka

# 'Door gift' raya mula jadi trend



FIRDA Ayu menyusun tempahan cenderahati atau hamper kuih raya yang disiapkannya.

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** - Minat kepada bidang perniagaan sejak 15 tahun yang lalu, mendorong seorang ibu meneruskan bidang itu dengan menampilkan kelainan menjual kuih raya berbentuk cenderahati.

Mesra disapa sebagai 'Kak Ayu', ibu kepada tiga anak ini mencabar dirinya membuat satu kelainan pada setiap kali musim perayaan.

Kata Ayu atau nama

sebenarnya Firda Ayu Mohd Zubir, 53, dia mula berjinak dalam bidang itu dengan menjual kek lapis Sarawak bersama adik iparnya.

"Saya bermula dengan menjual kek lapis Sarawak bersama adik ipar. Disebabkan permintaan yang banyak saya terfikir untuk menjual cenderahati atau hamper kuih raya setiap musim perayaan."

"Biar pun niaga cenderahati atau hamper raya ini baru mula empat tahun lalu,

namun sambutan setiap hari boleh mencecah sehingga 300 unit.

"Setiap kali menjelang perayaan saya akan promosi awal kepada pelanggan supaya mereka dapat rasa dahulu sebelum beli cenderahati ini," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di kediamannya di Taman Ozana di sini.

Katanya memilih untuk menghasilkan 'door gift' (cenderahati) kuih raya pada setiap musim perayaan adalah sangat unik

kerana perlu mengikut tema perayaan yang diraikan.

“Saya ada jual pelbagai kotak, kotak kecil ada dua jenis kuih dengan harga RM40, dalam bakul RM70, kotak besar RM150 (9 jenis kuih) dan dodol gula Melaka 300 gram RM15 dalam bentuk anyaman mengkuang,” katanya lagi.

"Biasanya kuih raya yang kita letak begantung kepada permintaan setiap agama itu, kadang perayaan Krismas mereka suka biskut almond london, raya Cina pula kuih bakul dan tart nyonya."

"Saya ada jual pelbagai kotak, kotak kecil ada dua jenis kuih dengan harga RM40, dalam bakul RM70, kotak besar RM150 (9 jenis kuih) dan dodol gula Melaka 300 gram RM15 dalam bentuk anyaman mengkuang," katanya lagi.

Menurutnya, walau pun membeli kuih raya dari pembuat kuih di luar, namun kualiti kuih tersebut menjadi keutamaannya.



NUR Zahidah Bachok mempromosikan hidangan sate celup bagi menu berbuka puasa dalam Iftar Buffet Ramadhan di The Pines Hotel, Melaka. Foto: MR. Azli

## The Oak Kopitiam himpun 136 juadah tradisional

Faiz Hasan

**BANDARAYA MELAKA** - Kena dengan tema digunakan iaitu Juadah Berbuka Santapan Warisan, The Oak Kopitiam, Hotel The Pines, mengimbau kenangan berbuka puasa sambil menjamah masakan tradisional di kampung.

Pengurus Makanan dan Minuman Hotel The Pines, Yong Chan Seng berkata, 135 hidangan makanan tradisional pelbagai kaum bermula menu utama hingga pengecik mulut dihimpunkan di restoran itu bagi memastikan kepuasan hati pelanggan.

Beliau berkata, antara masakan disediakan adalah sifit sedut masak lemak, pucuk paku masak lemak, asam pedas, nasi kerabu, pelbagai jenis ulaman dan kerabu.

"Pelanggan diluar sana jom berbuka di restoran kami yang memulakan operasi sejak 8 April, keluasan yang ada mampu memuatkan sehingga 160 orang.

"Harga yang ditawarkan

begitu berpatutan iaitu RM118 buat seorang dewasa manakala kanak-kanak pula RM59.

"Pihak kami turut menawarkan promosi yang sah sehingga 1 Mei depan dengan memberi satu kemasukan percuma bagi pembelian lima baucar. Manakala tiga kemasukan percuma juga diberikan bagi individu yang membeli 10 baucar berbuka puasa," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, sambil menjamah hidangan pelanggan dihiburkan dengan mendengar lagu klasik tradisional selain berpeluang mendapatkan gambar secara percuma di ruangan bergambar yang disediakan pihak hotel.

Juadah berbuka Santapan Warisan di The Oak Kopitiam, Hotel The Pines kini beroperasi dari 6.30 petang hingga 10 malam.

Untuk tempahan, orang ramai boleh menghubungi talian, 06-2402323 atau emel ketalian sales@thepines-melaka.com.



PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT NEGERI MELAKA

Sebutharga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Malaysia (LPPM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DI JUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMBAIKI KEROSAKAN 9 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (SP1057 & SP1065) DI TAMAN INTEKMA , MUKIM SG PETAI ALOR GAJAH, MELAKA	RM 50.00 (Tidak Akan Dikembalikan)	PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA No. 40-48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, 75450 Bukit Katil, Melaka	- Berdaftar Dengan PKK Bumiputera, - Berdaftar Dengan LPIP/CIDB Gred G2 Kategori : B, CE, ME	Khamis ,12 Mei 2022 Jam 10.00 Paggi. Berkumpul di Simpang Masuk Taman Intekma 78000 Alor Gajah, Melaka (LAWATAN Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Isnin, 23 Mei 2022 pada jam 12.00 tengahari (Sebutharga yang lewat tidak akan diterima)

Naskah Meja Tawaran boleh disemak di Pejabat PERTAM, No 40-48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, 75450 Bukit Katil, Melaka pada waktu pejabat bermula pada 12 Mei 2022. Bayaran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk Tunai diatas nama Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka atau PERTAM (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dengan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat

PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA  
NO 40-48, JALAN BKD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2,  
75450 BUKIT KATIL, MELAKA  
TEL : 06-2347041 FAX : 06-2347030



DR. SHANKAR GUNARASA

SHANKS SURGERY

**APABILA** seseorang itu sihat, tidak adase barang masalah untuk mendapat jumlah kalori dan juga nutrisi yang secukupnya daripada makanan yang dimakan. Tetapi bagaimana pula dengan pesakit yang menghadapi kanser? Untuk mendapat nutrisi dan kalori yang secukupnya memang mencabar, lebih-lebih lagi dengan keadaan kanser yang membuatkan golongan ini hilang selera makanan.

Secara lazimnya rawatan kanser terdiri dari pembedahan, radioterapi dan kemoterapi.

Pembedahan dilakukan untuk semua jenis kanser bagi mengeluarkan kanser tersebut dan juga organ persekitaran yang terlibat. Pembedahan ini juga sering dilakukan bersama dengan pembedahan kemoterapi dan juga radioterapi. Untuk pembedahan, baik sebelum dan selepas pembedahan, badan perlu mempunyai kalori dan protein yang secukupnya untuk pemulihran tisu-tisu dari pembedahan tersebut.

Radioterapi adalah kaedah rawatan kanser di mana sel-sel kanser dimatikan melalui radiasi. Bergantung pada tempat kanser tersebut, dos radiasi akan ditentukan dan diberikan kepada pesakit. Disebabkan kesan radiasi inilah yang boleh menyebabkan pesakit kanser kehilangan selera makan, berasa loya dan muntah.

Kemoterapi adalah ubatan yang diberikan khusus untuk kanser tersebut. Kemoterapi cukup berlainan untuk semua kanser, bergantung kepada tahap sesuatu kanser tersebut.

Ubatan kemoterapi ini bukan sahaja membunuh sel-sel kanser, malah boleh mengganggu sum sum tulang, rambut dan juga lapisan mukosa di perut dan sistem penghadaman. Inilah sebabnya pesakit

# Kanser dan Nutrisi



## MAKANAN ANTI KANSER

sumber alam semulajadi..... berasaskan tumbuhan ..... berupaya melawan kanser

	Teh Hijau		Halia		Buah Delima
	Blackberry		Kunyit		Sayuran hijau
	Blueberry		Kulit kayu manis		Bunga Kobis
	Lemon		Artichokes		Avocado
	Epal		Bawang Putih		Kekacang
	Kale		Tomato		Brokoli
	Ginseng		Minyak Zaitun		Cendawan

kanser apabila menjalani rawatan kemoterapi akan berasa loya, muntah, cirit-birit atau sembelit.

Selain daripada tiga rawatan ini yang boleh menganggu nutrisi pesakit, lokasi sesuatu kanser juga memainkan peranan. Seperti kanser di esophagus atau perut, disebabkan sistem penghadaman yang tersumbat, keadaan ini boleh menyebabkan pesakit kanser ini hilang selera makan.

Apakah symptom-simptom yang boleh ada pada seseorang pesakit kanser? Antaranya ialah:

- Rasa cepat kembung
- Hilang berat badan
- Hilang selera makan
- Cirit-birit
- Sembelit
- Loya atau muntah
- Hilang deria rasa atau bau terhadap makanan

Nutrisi dapat dimantapkan kepada pe-

sakit kanser sekiranya perubahan cara pemakanan dilakukan. Makanan yang mempunyai kandungan kalori, protein, vitamin dan zat galian yang tinggi sememangnya berfaedah kepada pesakit kanser. Berikut adalah cara tabiat pemakanan yang boleh membantu nutrisi untuk pesakit kanser:

- 1) *Makan makanan yang tinggi dalam kandungan protein dan kalorinya. Seperti*
  - Kekacang, ayam, ikan, telur, tofu dan keju
  - Untuk menambahkan kandungan protein, pesakit boleh mengambil bil minuman susu yang diperkayakan dengan protein

**TIP:** Sebaik-baiknya mengambil makanan protein ini semasa selera makan anda tinggi atau dipermulaan pemakanan.
- 2) *Jika pesakit susah hendak menelan makanan yang pejal, bolehlah mengantikan dengan "milkshakes", "smoothies", jus*

atau sup sebagai pengganti. Cara ini juga dapat memulangkan selera pesakit.

3) *Makan dengan kuantiti yang kecil tetapi kerap sepanjang hari sekiranya anda tidak ada selera makanan. Kekerapan makan itu bolehlah dilakukan antara 5 ke 6 kali sehari.*

4) *Mengambil vitamin seperti multivitamins. Ini memang bersesuaian untuk pesakit yang mendapat nutrisi yang kurang daripada makanan sehari-hari mereka.*

5) *Seboleh-bolehnya bersenam secara ringan atau berjalan jalan di kawasan taman atau perumahan. Ini sedikit sebanyak boleh membantu meningkatkan selera makan pesakit. Senaman itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara atau akitiviti bergantung kepada kesesuaian pesakit.*

Vitamin C juga di galakkan untuk ditambah di dalam diet pesakit. Ia boleh membantu pemulihan tisu-tisu dan luka, selain menghindarkan daripada mendapat jangkitan kuman.

Probiotik adalah campuran mikro-organisma yang dijadikan dalam bentuk capsule atau serbuk, bila dimakan ia boleh membantu sistem penghadaman pesakit. Bila diambil semasa menjalani rawatan kemoterapi atau radioterapi, ia boleh membantu menghindarkan masalah cirit-birit dalam kalangan pesakit.

Pada masa ini, banyak diet yang dipaparkan di sosial media seperti vegan diet atau ketogenic diet. Anda perlu faham di mana, apau-jenis makanan yang diambil, ia perlu memberi kalori yang secukupnya, lebih-lebih lagi semasa anda menghadapi kanser. Untuk diet sebegini, sebaik-baiknya anda berbincang dengan doktor anda untuk mendapat nasihat yang tepat.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut mengenai kanser dan nutrisi, anda boleh berhubung dengan saya, Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131



# Jejantas RM8 juta beri manfaat warga Melaka Tengah



RAHMAD (dua dari kiri) menyaksikan simbolik penyerahan jejantas pejalan kaki oleh JKR Melaka di Ayer Keroh Country Club.

Siti Salehah

**AYER KEROH** - Tiga jejantas pejalan kaki di daerah Melaka Tengah yang siap dibina dengan nilai keseluruhan hampir RM8 juta akan memberi manfaat sepenuhnya kepada penduduk setempat.

Ketiga-tiga jejantas pejalan kaki itu adalah di Lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) Kampung Jambatan Duyong/Kampung Ladang, Jalan Melaka-Kendong berdekatan Sekolah Kebangsaan (SK) Bachang serta di Lebuh AMJ berhampiran Sekolah Agama Balai Panjang.

EXCO Kerja Raya Datuk Rahmad Mariman berkata, kesemua tiga pembinaan jejantas pejalan kaki itu disiap di bawah jumlah bajet sebenar melebihi RM8 juta yang diperuntukkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kesemua pembinaan ini dapat disiapkan sepenuhnya dengan penjimatatan yang mana di bawah bajet diperuntukkan menjadikan kos hampir RM8 juta.

"Malah projek ini juga disiapkan tanpa ada kecacatan major pada pembinaan selain mencatatkan sifar kemalangan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Persegeraan Projek dan Berbuka Puasa Bersama Anak Yatim di Ayer Keroh Country Club (AKCC) yang turut dihadiri Penggarah JKR Melaka Datuk Ir Ismail Abd Rahman, 21 April lalu.

Menurut beliau, dengan pembinaan jejantas pejalan kaki itu ia akan memberi manfaat kepada semua rakyat terutamanya penduduk setempat yang melalui lokasi berkenaan.

"Penduduk berhampiran pastinya bersyukur kerana dapat memudahkan pergerakan sehari-hari mereka dengan menjadikan jejantas ini sebagai penghubung laluan.

"Malah apa yang penting ia dapat menjamin keselamatan buat pelajar sekolah khususnya apabila menggunakan jejantas pejalan kaki ini," katanya.

Pada majlis itu seramai 15 orang anak yatim turut diraihkan JKR Melaka menerusi pemberian sumbangan duit raya.

## Nelayan terkesan KLIP bakal terima saguhati - EXCO

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SERKAM** - Nelayan di kawasan Melaka Barat yang terkesan dengan projek Pelabuhan Antarabangsa Kua-la Linggi (KLIP) akan menerima saguhati dalam masa terdekat.

EXCO Pertanian Negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman saguhati itu dijangka akan diselesaikan pada tahun ini yang mana kerajaan negeri sedang dalam perbincangan mencari kaedah terbaik untuk menyampaikan saguhati berkenaan.

Mengenai isu pampasan yang belum dibayar seperti didakwa sekumpulan nelayan, beliau menjelaskan, terdapat salah faham berhubung isu itu yang mungkin berpunca daripada kesilapan penerangan oleh pihak syarikat kepada nelayan.

Katanya, pampasan hanya akan diberi sekiranya sesuatu projek itu menutup sepenuhnya sumber pencarian nelayan di kawasan itu.

"Bila sebut pampasan kebiasaannya akan diberi apabila sesuatu projek itu menutup terus aktiviti menangkap ikan oleh nelayan. Tetapi ia tidak berlaku yang mana, nelayan di kawasan ini masih boleh keluar mencari rezeki. Jadi, pihak syarikat perlu jelaskan lebih lanjut mengenai maksud tersebut."

"Di pihak kerajaan negeri memang kita akan beri saguhati, cumanya kaedah terbaik pembayaran itu kita sedang bincangkan."

"Lagipun bila bercakap soal bantuan, semua nelayan memang kita sentiasa ambil berat. Bukan sahaja di Kuala Linggi, bahkan di seluruh Melaka menerusi pemberian pelbagai insentif termasuklah bantuan RM1,000 secara one-off yang telah diumumkan pada pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka hujung tahun lalu."

"Jadi, sebenarnya tidak perlu timbul isu berhubung pampasan atau saguhati kerana yang pasti kerajaan akan sentiasa tam-



ABDUL Razak. Foto: MR Azli

pil menghulur bantuan dalam pelbagai bentuk kepada nelayan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Penyampaian Bayaran Insentif Sarawak Hidup Secara 'One-off' kepada 303 nelayan Daerah Jasin (Bayaran Kedua) bertempat di Dewan Kompleks JAPERUN Serkam, 21 April lalu.

Hadir sama, EXCO Kerajaan Tempatan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan dan Pengarah Perikanan Melaka Mohd Fauzi Salehon.

Abdul Razak berkata, insentif RM1,000 yang dibayar sebanyak empat kali itu diberikan kepada 1,176 nelayan berdaftar di negeri ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM1.18 juta.

Katanya, bayaran pertama bagi insentif tersebut telah dibuat pada 25 Jan lalu dan bayaran kedua pada bulan ini, manakala dua lagi pembayaran dijangka akan dibayar pada suku ketiga dan keempat tahun ini.

**RUMAH SIAP SEDIA DIKUNJUNGI UNTUK BUMIPUTERA**

**RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 40' X 80'**

**RUMAH TERES 2 TINGKAT 22' X 70'**

**Pelan Lokasi**

**Taman Puncak Bertam**

**06- 334 5555**

[www.teobros.com](http://www.teobros.com)

**发展商:** **TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.**  
(Co No: 352225-A)  
Lot 81 & 88, Jalan IKS MJ 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya.  
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06- 336 0551

# KM prihatin nasib ibu tunggal kutip kotak

Norizan Abdul Muhid

**KESIDANG** - Kedaifan ibu tunggal Umi Nur Faizah Ali Halimi, 39, yang mengutip kotak untuk meneruskan kelangsungan hidup dan menyara empat anak mendapat perhatian Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Umi yang terharu dengan keprihatinan semua pihak berkenaan berkata, selain membayai keperluan persekolahan anak dia turut menggunakan sumbangan diterima untuk membayar wang dipinjam daripada kenalannya.

Di berasa amat tersentuh selepas tidak putus-putus menerima sumbangan daripada pelbagai pihak seperti jabatan dan agensi kerajaan, pihak swasta dan persendirian selepas kisah hidupnya disiarkan media.

"Saya ada meminjam wang daripada kenalan untuk membeli buku sekolah anak, menggunakan

sumbangan tunai diterima dapatlah saya jelaskan semuanya sekali.

"Syukur keperluan persekolahan anak semua sudah lengkap, malah sumbangan barang makanan untuk kami juga sudah lebih daripada mencukupi."

"Alhamdulillah, terima kasih rakyat Malaysia yang prihatin dengan nasib saya dan anak-anak," katanya ketika ditemui di rumahnya di Lorong Muhamad, Balai Panjang, Malim, di sini, 22 April lalu.

Terdahulu Umi menerima kunjungan Setiausaha Perhubungan Khas Ketua Menteri, Datuk Ghafar Misdar yang menyampaikan sumbangan makanan asas dan duit raya.

Lawatan itu turut disertai pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, Khidmat Musaadah (BKM) Jabatan Ketua Menteri Melakadan Tabung Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM).

Wanita tabah itu menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga untuk membesarakan empat anaknya, Umi Emelda, 15, Umi Umayah, 13, Umie Nur Arina Aufa, 9, dan Umie Nur Nimrah, 7, selepas suaminya Muhamad Yusni Yusuf meninggal dunia tahun lalu.

Sementara itu Ghafar berkata, pihaknya menerusi jabatan berkenaan akan meneliti keperluan semasa keluarga Umi untuk membantu meringankan beban ditanggung ibu tunggal itu.

"Ketua Menteri amat prihatin dengan nasib yang menimpakeluarga ini dan membantu menyediakan keperluan yang secukupnya buat empat puan Umi."

"Kita lihat bantuan JKM sudah ada cuma diharapkan selepas ini Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dapat sediakan bantuan membayar sewa rumah RM350," katanya.



**GHAFAR** (kiri) mewakili Ketua Menteri menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada Umi Nor Faizah yang sebelum ini tular sanggup berpanas mencari kotak di sekitar Malim.

## Gudang pasar raya dipenuhi najis kucing



**MUHAMAD AKMAL** menunjukkan najis kucing yang ditemui pada beras di sebuah pasar raya di Jasin. Foto Iqmal Haqim Rosman

Liana Sahabudin

**JASIN** - Kotor, berbau busuk dan dipenuhi najis kucing. Itu keadaan sebuah gudang penyimpanan barang sebuah pasar raya beroperasi di daerah ini ketika pemeriksaan mengejut penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dalam Op Raya 2022, 21 April lalu.

Akibat keadaan kebersihan yang tidak memuaskan pemilik gudang diarahkan memberhentikan dan menutup premis itu selama 14 bagi kerja pembersihan.

EXCO Kesihatan negeri, Dr Muhammad Akmal Saleh berkata pemilik premis berkenaan juga dikenakan kompaun maksimum mengikut Seksyen 11 Akta Makanan 1983.

"Saya memberi amaran kepada semua premis menjual makanan, paling mengejutkan dan mengesekwakan hari ini...makanan dijual bukan saja hampir tamat tempoh atau disimpan tidak betul, tetapi diletakkan bersama dengan najis haiwan yang mana najis haiwan itu sudah kering."

"Jadi kita akan keluarkan kompaun kepada pemilik pasar raya ini, gudang penyimpanan barang merekaditup dan tiada aktiviti keluar atau masuk barang...hanya premis menjual barang makanan saja dibenarkan operasi."

"Kita akan kenakan kompaun paling maksimum untuk berikan pengajaran kepada peniaga," katanya pada sidang media selepas mengetuai pemeriksaan itu.

Menurutnya, sepanjang Op Raya 2022 dari 11 hingga 21 April lalu, JKN mengeluarkan lima kompaun bernilai RM 15,000 terhadap pemilik premis sekitar negeri ini yang dikesan melakukan kesalahan.

"Kompaun itu melibatkan tujuh pasar mini dan pasar raya, hasil serbuan dijalankan sebanyak 104 barang makanan bernilai RM 515.83 disita atas pelbagai kesalahan seperti pembungkusan, pelabelan dan tamat tarikh luput."

"Manakala sejak Jan hingga bulan ini kita telah menyita sebanyak 790 barang makanan bernilai RM4,743.47 dengan 13 kompaun bernilai RM38,500 dikeluaran," katanya.

## 'Murahnya bercuti di Melaka!'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**IPOH** - Pelancong domestik boleh bercuti ke Melaka dengan pakej pelancongan serendah RM69 sahaja!

Tawaran itu merupakan antara yang terkandung menerusi kempen promosi 'Melaka For Malaysian 1.0' yang dilancarkan bermula 25 Mac hingga 31 Disember 2022.

EXCO Pelancongan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, kempen tersebut diadakan bertujuan untuk memulihkan sektor pelancongan Melaka di

samping menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Katanya, menerusi kempen itu, semua rakyat Malaysia berpeluang untuk bercuti di Melaka dengan pelbagai tawaran istimewa termasuk diskon harga sehingga 50 peratus bagi premis penginapan dan tempat tumpuan pelancong.

"Melalui kempen ini, terdapat 21 pakej-pakej pelancongan yang menarik yang ditawarkan dengan harga serendah RM69 seorang."

"Selain itu, terdapat 40 premis penginapan pelancongan yang memberikan dis-

kaun sehingga 50 peratus yang boleh dinikmati pelancong, merangkumi hotel bertaraf 5 Bintang, hotel bajet, resort, chalet maupun homestay."

"Tempat-tempat tarikan di Melaka juga menawarkan diskon sehingga 50 peratus di mana para pelancong boleh meneroka Melaka dengan harga yang lebih berpatutan, selain terdapat tawaran pembelian tiket Beli 1 Percuma 1 yang perlu direbut sempena kempen ini."

"Kempen ini juga menawarkan baucar diskon sehingga 30 peratus di 30 buah



**MUHAMMAD JAILANI**

restoran dan kafé yang menyertai kempen Melaka For Malaysian 1.0 yang mana

baucar ini boleh didapati di kaunter Tourism Melaka," katanya selepas merasmikan Seminar dan Sesi Padanan Niaga Semarak Pelancongan Revitalise & Rejuvenate Melaka 2022, di sini, 21 April lalu.

Hadir sama, Pengurus Lembaga Pengarah Tourism Perak Management Berhad Datuk Mohamad Kamil Shafie, Pengurusan Bahagian Promosi Pelancongan Melaka Salari Basiron dan Pengurus Besar Tourism Perak Management Berhad Zuraida Md. Taib.

Mohamad Jailani ber-

kata, sepanjang tahun lalu, Melaka telah menerima 2.67 juta pelancong di mana daripada jumlah tersebut seramai 154,014 pelancong Perak telah datang melancong ke negeri ini.

Katanya, bagi merasakan sasaran 5.6 juta pelancong tahun ini, kerajaan negeri telah mengatur Roadshow Festival Semarak Pelancongan Negeri Melaka di seluruh negara yang manajelajah itu akan diteruskan di Kuala Lumpur, Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan, Sabah dan Sarawak selepas ini.

# Inovasi pelita guna lampu LED

Fiqah Jamal

**DURIAN TUNGGAL** - Sambutan Aidilfitri tahun ini pastinya lebih meriah buat se-pasang suami isteri yang mengusahakan pembuatan pelita atau panjut menggunakan buluh apabila menerima tempahan 'luar biasa' daripada pelanggan.

Berkongsi kisahnya, Kamsiah Khamis, 38, atau lebih mesra dengan panggilan Mak Ngah berkata pada minggu pertama Ramadan dia dan suami, Nazri Md Yusoff, 41, telah menerima tempahan hampir 1,000 batang pelita buluh.

Katanya, tempahan yang diterimabukan sahaja dari seluruh Malaysia, bahkan turut mendapat sambutan warga Singapura dan Brunei.

Menurutnya, buat julung kali tahun ini, dia bersama suami turut memperkenalkan



SUASANA kedai 'Makngah' di Durian Tunggal yang dihiasi panjut buluh buatan suami isteri pemilik kedai makan itu di sepanjang Ramadan.

produk inovasi mereka iaitu 'Pelita LED' yang menggunakan bateri.

"Tahun ini Alhamdulillah jualan sangat mem-

berangsangkan kerana kita adatigajenis pelita buluh dengan satu inovasi terbaru kami iaitu menggunakan lampu LED yang meng-

gunakan bateri jam yang kecil sahaja.

"Dua lagi pelita panjut menggunakan sumbu biasa, satu lagi adalah pelita ber-tingkat. Proses menghasilkan pelita ini mengambil masa antara 15 hingga 30 minit.

"Kami jangkakan jumlah tempahan akan terus meningkat khususnya menjelang Aidilfitri," katanya.

Sementara itu, Nazri

meluahkan rasa syukur kerana tempahan pelita buluh sepanjang lima kaki dijual pada harga RM 15 setiap satu itu meningkat setiap tahun.

"Tahun ini kita hanya ambil tempahan mengikut kemampuan, keseluruhan proses membuat pelita kami berdua yang buat. Tebang buluh, potong ikut ukuran mengisi sumbu semua kami lakukan.

"Saya dan isteri bias-

anya mula siapkan tempahan seawal jam 8 pagi sampailah 6 petang, setiap hari kami mampu siapkan 50 batang pelita.

"Seminggu sebelum Ramadan kami sudah pos tempahan pelanggan di Brunei dan Singapura, alhamdulillah maklum balas pelanggan amat positif mereka puas hati terutamaproduk pelita LED kami," katanya.



KERJA-KERJA menyiapkan panjut buluh yang ditempah pelanggan.

## Mimpi Kaabah jentik hati mualaf

Liana Sahabudin

**BUKIT BARU** - Bermimpi seolah-olah berada di Tanah Suci Makkah, seorang saudara baharu tidak menyangka ia menjadi hidayah yang mendorongnya untuk memeluk agama Islam Nov tahun lalu.

Ecah (nama samaran), 24 berkata sebelum ini dia dibesarkan dalam suasana kampung Melayu dan kehidupannya banyak dipengaruhi budaya masyarakat itu.

Tambahnya, dia juga sering mengikuti rakan-rakannya yang beragama Islam untuk berpuasa ketika melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi (IPT).

"Pengalaman sebelum saya masuk Islam sudah ada iaitu berpuasa penuh dekat kolej dengan kawan-kawan malam sebelum ini saya tinggal dalam suasana kam-



ECAH (bukan nama sebenar).

sama ada mimpi itu hidayah atau sebaliknya," katanya.

Surirumah itu berkata, selepas memeluk agama Islam suami banyak membantu serta mendidiknya untuk amalkan solat Subuh.

"Sekarang masa sahur saya masak malah suami ada menasihatkan saya supaya mengamalkan banguna awal untuk solat Subuh atau tuanya solat Dhuha.

"Walaupun pada awalnya susah sebab kita tak biasa, tapi jika diamalkan, lama-kelamaan sudah biasa," katanya ketika ditemui dalam majlis SWM Kasih Santun Ramadan bagi meraikan 10 mualaf di Pejabat Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Melaka, di sini.

Penyampaian sumbangan telah disempurnakan Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd Norlisam Mohd Nordin.

**Taman TEKNOLOGI CHENG**

**Kilang 1 1/2 Tingkat 40' x 130'**

**Siap dengan CCC UNTUK BUMIPUTERA**

**Taman Merdeka**

**Pasar Borong**

**Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-336 0551**

**06- 334 5555** [www.teobros.com](http://www.teobros.com)

**CAPITAL FARMOSA SDN. BHD.** (Co. No. 192220-A)

**TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.** (Co. No. 192220-A)

# Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin

3 Mei 2022 Bersamaan  
1 Syawal 1443 Hijrah

*Setulus Ikhlas Daripada*



Ahli Lembaga Pengarah  
& Seluruh Warga Kerja  
Melaka Taming Sari Bhd



# MHI sempurnakan raya anak-anak yatim



KETUA Kandungan MHI, Salman Hamat membantu anak yatim mencuba baju raya di Mydin MITC. Foto Iqmal Haqim Rosman

**TAMAN  
Paya Rumput  
Utama  
•CHENG•**

**RUMAH TERES 2 TINGKAT 22/24' X 70'**

**PELAN LOKASI**

**UNTUK BUMIPUTERA**

**SIAP DENGAN CCC**

**Hak Milik Kekal  
RUMAH SIAP  
SEDA DIKUNJUNGI**

**Pemaju :  
Hartamas Indah Sdn. Bhd.**

Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3,  
Kawasan Perindustrian Malim Jaya,  
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-336 0551

**06- 334 5555**  
[www.teobros.com](http://www.teobros.com)

**TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.**

(Co. No: 352220-A)

Liana Sahabudin

**BANDARAYA MELAKA** - "Sebelum ini apa yang ada termasuk baju terpakai orang sedekah kami akan pakai saja, tapi syukurlah anak tak pernah merungut".

"Alhamdulillah tahun ini terubatlah hati mereka nak beraya, terima kasih Melaka Hari Ini (MHI) dan penyumbang belikan baju raya untuk anak-anak saya," kata seorang ibu tunggal Norhayati Mohd, 38.

Norhayati berkata, sumbangan itu amat bermakna memandangkan ia dapat meringankan bebaninya membesarkan enam anak termasuk empat daripadanya adalah Orang Kelainan Upaya (OKU).

"Tahun lepas pun dapat sumbangan orang bagi baju raya, orang kata rezeki anak yatim tu sentiasa ada, bersyukur sangat," katanya ketika ditemui dalam majlis berkenaan.

Norhayati bersama enam anaknya merupakan antara mereka yang terpilih menerima sumbangan daripada Kelab Kebajikan Dan Rekreasi MHI menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Nur Insani Raikan Anak Yatim yang diadakan 20 April lalu.

Menerusi program tersebut, seramai 14 anak

yatim dihadiahkan sepasang baju raya, selain sumbangan duit rayadan jamuan berbuka puasa.

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari; Ketua Kandungan MHI Mohd Salman Hamat dan wakil kafe Hang Boba, Mohd Fikri Mohd Ali.

Program berkenaan turut mendapat kerjasama kafeter tersebut bagi sumbangan duit raya dan majlis berbuka puasa.

Seorang lagi penerima, Siti Roslana Abd Ghani, 32, meluahkan rasa syukur kerana sumbangan itu sedikit sebanyak dapat meringankan bebaninya untuk membeli kelengkapan raya buat enam anaknya.

"Alhamdulillah dapat baju raya bantuan daripada MHI ini, anak-anak semua gembira, sebagai ibu bila ada pihak bantu ia dapat kurangkan beban kami."

"Ini kali kedua raya tanpa suami yang meninggal dunia tahun lalu akibat sakit jantung. Tak sangka masih ada yang membantu dan setakat ini masih belum terputus bantuan."

"Kalau anak minta baju raya, saya selalu cakap sabarlah mungkin ada orang yang akan bantu kita, akhirnya kata-kata itu jadi realiti," katanya yang menetap di Program Perumahan Rakyat (PPR) Krubong.



WARGA PDRM Melaka dan kakitangan MHI menyertai rakaman takbir raya di surau IPK Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

## Takbir raya MHI, polis Melaka bergema malam raya

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** - Media rasmi kerajaan negeri, Melaka Hari Ini menjalin ukhuwah dan kerjasama erat bersama agensi penguasaan sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Bagi menyambut kedatangan Aidilfitri, MHI bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) kontinjen Melaka dengan melaksanakan program rakaman takbir raya Aidilfitri di Surau Al-Mukmin Ibu Pejabat Polis Kontinjen

(IPK) Melaka.

Program rakaman itu dihadiri Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Ketua Polis Melaka Datuk Zainol Abu Samah.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi MHI Anuar Shaari dan ketua-ketua jabatan PDRM Melaka termasuk Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPKK) negeri Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin; Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Superintendant Zulkiflee Rashid serta Ketua

Polis Daerah Alor Gajah Superintendant Arshad Abu.

Seramai 10 kakitangan MHI manakala 60 pegawai dan anggota pelbagai jabatan dari PDRM Melaka menyertai rakaman terbabit.

Terdahulu, Abdul Jalil dan Anuar mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Ketua Polis Melaka serta meluangkan masa kira-kira satu jam bagi membincangkan kerjasama dan inisiatif yang boleh dilaksanakan antara kedua-dua agensi berkenaan termasuk dalam menyebarkan maklumat sahih kepada masyarakat.



*Selamat Hari Raya*

# Aidilfitri

2022 M / 1443 H

*Maaf Zahir & Batin*



IKHLAS DARIPADA:

DATUK BANDAR, AHLI-AHLI MAJLIS,  
KETUA-KETUA JABATAN DAN SELURUH WARGA KERJA  
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

# Sukan

MELAKA HARI INI



SHANMUGAM (kanan) berkatakan sesuatu kepada jawatankuasa Persatuan Muaythai Melaka selepas program Semarak Ramadan di Masjid Al Najihin.

## SUKMA XX Muaythai Melaka tekad tuai lima emas

Faiz Hasan

MELAKA menyasarkan untuk sekurang-kurangnya membawa pulang lima pingat emas dalam sukan muaythai pada temasya Sukan Malaysia Edisi ke-20 (SUKMA XX, MSN 2022) yang dijadual berlangsung di Lembah Klang, Sept depan.

EXCO Belia dan Sukan Negeri VP Shanmugam berkata, pihaknya yakin sasaran itu mampu dicapai memandangkan pelbagai kejayaan telah diraih atlet Melaka dalam sukan itu, selain dibantu pasukan jurulatih berpengalaman dalam sukan tempur itu.

"Dalam SUKMA kali ini, Melaka akan menghantar 27 atlet membabitkan sembilan atlet lelaki dan enam wanita akan menyertai acara ini dengan bimbingan lima pengawal terlibat.

"Kita telah pun mengenal

pasti jurulatih dari Thailand yang berpengalaman 15 tahun dalam sukan ini, yang mana jurulatih berkenaan bersetuju untuk berko-laborasi bersama pasukan Melaka untuk memacu pasukan ini.

"Biarpun edisi sebelumnya kita tidak meraih pingat emas dalam acara ini namun kita yakin kali ini kita akan jadi lebih baik terutama selepas melihat komitmen tinggi yang dipamerkan dalam sukan muaythai ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Semarak Ramadan diadakan di Masjid Al Najihin, di sini, 19 April lalu.

Hadir sama, pegawai wakil Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) merangkap Presiden Persatuan Muaythai Negeri Melaka (PMNM), Emrito @ Haris Alias dan Pengarah Tekni-

kal Muaythai Malaysia, Md Faris Md Uret.

Program anjuran kerjasama FAMA Melaka dan PMNM itu telah memilih 25 keluarga asnaf dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Gadek untuk diberikan bantuan kit makanan serta wang tunai bagi menyambut Ramadan dan persediaan Syawal akan datang.

Dalam pada itu, Shanmugam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek berkata, untuk edisi SUKMA kali ini, Melaka menyasarkan peningkatan 10 peratus kutipan pingat emas akan diraih atlet Melaka dalam temasya itu.

"Kita sasarkan kali ini Melaka mampu mencapai 25 pingat emas dalam acara keseluruhan pada SUKMA kali ini, mereka kena kecapi dari apa yang dimiliki sebelum ini," katanya.

## Melaka United tutup mulut pengkritik

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KEMENANGAN sulung Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) ke atas Sri Pahang FC dalam aksi Liga Super 16 April lalu berjaya membuka mata ramai pihak berkepentingan.

Pemangku Jurulatih Melaka United Mohd Asri Ninggal berkata, ia berikutnya walaupun dibebani pelbagai cabaran dan kemelut dalam sebelum ini, skuad Hang Tuah telah membuktikan mereka memiliki semangat juang luar biasa.

Katanya, meskipun ketinggalan seawal minit keempat, pemain telah menunjukkan kesungguhan dan semangat tidak mudah mengalah untuk memastikan kemenangan pertama berjaya diraih musim ini.

"Bagi saya, ia bukan kelegaan untuk saya tetapi untuk Melaka juga kerana sebelum ini kita hanya berjaya mengutip satu mata daripada empat perlawanan.

"Jadi, tugas saya ialah untuk menjaga pemain dan saya telah bercakap dengan mereka bahawa perkara paling penting ialah untuk kita menghasilkan keputusan positif.

"Bila kita dapat kemenangan ia akan membuka mata pengurusan dan ramai pihak lain dan sebab itulah fokus saya sekarang ialah untuk membantu Melaka United mengutip seberapa banyak mata yang boleh dalam aksi liga musim ini," katanya dalam sidang media selepas perlawan-

Mengulas lanjut, beliau berkata, Melaka United tidak boleh lagi berada pada landasan kekalahan yang mana ia dikehutir bakal menjatuhkan moral keseluruhan pasukan.

Justeru, beliau berharap anak buahnya terus memperbaiki kebangkitan dalam aksi seterusnya nanti.

Dalam perkembangan lain, Melaka United telah diundi menentang Petaling Jaya City FC di Stadium Hang Jebat dalam aksi pusingan kedua Piala FA yang dijadual berlangsung antara 13 dan 14 Mei depan.



AKSI Emmanuel Oti meraikan jaringan bersama penyokong Melaka United di Stadium Darul Makmur.  
Foto: Melaka United FC